

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(II)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG**

1. Projek Lebuhraya Bertingkat Juru-Sungai Dua.
 - (a) Apakah kaedah yang akan digunakan untuk melaksanakan projek ini?
 - (b) Berapakah luas kawasan tanah yang akan terlibat dengan pengambilan tanah dan kos yang terlibat?
 - (c) Adakah lebuhraya yang siap dibina nanti akan dikenakan bayaran (tol)?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. (a) Merujuk pengumuman YAB Perdana Menteri dalam ucapan Belanjawan 2025 pada 18 Oktober 2024, pelaksanaan Projek Lebuhraya Bertingkat Juru-Sungai Dua adalah melalui kaedah pembiayaan secara *public private partnership* (PPP). Sehubungan itu, PPP merupakan rujukan utama kaedah pembiayaan oleh Kementerian Kerja Raya (KKR). Walau bagaimanapun, model bisnes masih di peringkat penelitian KKR dan akan dimuktamadkan secepat mungkin bagi memastikan projek dapat dilaksanakan segera.
 - (a) Anggaran awal kos pengambilan tanah pada masa ini adalah sebanyak RM100 juta. Keluasan sebenar pengambilan tanah yang terlibat akan ditentukan setelah kerja ukur tanah bagi jajaran jalan yang berkaitan dilaksanakan.

- (b) Berdasarkan pembentangan oleh YAB Perdana Menteri di dalam Belanjawan 2025 menyatakan projek pembangunan akan dilaksanakan dengan mengambil kira elemen 'pengguna bayar'. Pembangunan projek lebuh raya baharu mungkin akan melibatkan kadar tol tambahan yang perlu ditanggung oleh pengguna. Namun begitu, kadar tol akan ditentukan selepas cadangan pembiayaan projek dimuktamadkan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(I)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

2. Akta Pembaharuan Semula Bandar (PSB).

- (a) Sejauh manakah Akta PSB mampu membolehkan Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) untuk mempercepatkan serta memudahkan pelaksanaan projek-projek pembaharuan di Pulau Pinang?
- (b) Apakah jaminan yang diberikan kepada penduduk yang terjejas agar tidak dipaksa keluar atau kehilangan rumah?
- (c) Apakah model pembiayaan yang digunakan untuk melaksanakan projek pembaharuan tersebut?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. Keperluan Akta Pembaharuan Semula Bandar (PSB) adalah untuk menyeragamkan peraturan tangkas (*agile*) dan menyeluruh (*comprehensive*) bagi mentadbir pembangunan semula bandar. Akta PSB merupakan satu keperluan bagi negara-negara yang mempunyai kadar perbandaran tinggi sehingga melebihi 75% termasuk Malaysia. Negara seperti Singapura, Korea Selatan, China dan Hong Kong telah mempunyai set undang-undang pembaharuan semula bandar bagi mengurus kawasan perbandaran yang semakin sesak dan bertambah usang.

Akta ini akan menjadikan pelaksanaan PSB lebih baik dengan meningkatkan kesejahteraan sosial serta mewujudkan mekanisme

pembangunan semula dengan lebih efektif dan komprehensif selaras dengan Agenda Malaysia MADANI.

- (a) Amalan semasa pembaharuan semula bandar banyak melibatkan perkara berkaitan tanah, pengambilan balik tanah, pemilikan strata dan perancangan guna tanah. Walau bagaimanapun, ketiadaan perundangan khusus telah merencatkan pembangunan semula bandar. Oleh itu, peruntukan Akta Hakmilik Strata 1985 [Akta 318] di bawah Seksyen 57 telah menggariskan penetapan mendapat ambang persetujuan (*consent threshold*) dengan keperluan mendapat 100% persetujuan penduduk bagi setiap cadangan penamatan skim strata. Keperluan menggubal Akta PSB ini penting untuk diselaraskan dengan Akta 318 bagi menentukan ambang persetujuan yang lebih wajar antara 80% sehingga 90% yang akan diambil kira termasuk usia bangunan, keselamatan dan kekukuhan bangunan berdasarkan perakuan jurutera bertauliah dan isu sosial yang disebabkan oleh keusangan bangunan.
- (b) Penggubalan Akta PSB ini mampu memastikan pembangunan yang dilaksanakan adalah lebih terancang dan inklusif dengan prinsip *leave no one behind*, termasuk dalam melindungi hak pemilik hartanah yang terkesan. Proses rundingan antara pemilik petak/tanah yang terlibat bersama agensi pelaksana dan pemaju yang dilantik akan diadakan sehingga semua pihak bersetuju dengan syarat-syarat dan pampasan yang diterima. Selain daripada itu, penubuhan Jawatankuasa Eksekutif Negeri akan berperanan untuk memastikan pemaju yang layak dan mempunyai kompetensi bagi pelaksanaan projek PSB serta turut bertanggungjawab dalam melindungi kepentingan pemilik sekiranya berlaku masalah sepanjang proses PSB. Bagi memperkukuh perlindungan ke atas hak dan kepentingan pemilik hartanah tersebut juga, satu Jawatankuasa Mediasi boleh ditubuhkan bagi menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan projek PSB.
- (c) Secara umum, kos pelaksanaan projek PSB ini adalah jauh lebih tinggi berbanding pembangunan projek biasa. Projek PSB memerlukan pembangunan unit gantian secara 1:1 dengan saiz yang lebih besar dan kemudahan awam yang lebih teratur di samping penyediaan satu tempat letak kereta (TLK) bagi setiap unit rumah. Ini tidak termasuk kos-kos awalan lain yang terlibat seperti kos guaman, duti setem, penempatan sementara dan

lain-lain. Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) telah menetapkan bahawa sehingga kini, semua projek yang akan dilaksanakan oleh LPNPP termasuk projek PSB akan menggunakan kaedah tender secara *Request for Proposal* (RFP) di mana semua pembiayaan bagi kos pembangunan akan ditanggung oleh pihak pemaju yang mengemukakan tawaran. Walau bagaimanapun, terdapat juga beberapa projek berskala besar yang memerlukan bantuan khas dari Kerajaan Persekutuan. Misalnya, projek PSB Padang Tembak yang memerlukan pembinaan sebanyak 3,653 unit gantian dengan saiz yang lebih besar dan kekangan ketumpatan pembangunan khususnya dalam keadaan unit gantian ini perlu disediakan sebagai gantian kepada setiap unit ini. Sehubungan dengan itu, bagi projek-projek seperti ini permohonan khas perlu dikemukakan oleh Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan kerana ia akan melibatkan kos yang besar di mana Rancangan Kawasan Khas di bawah PLANMalaysia sedang disediakan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(I)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

3. Kepengerusian Malaysia dalam ASEAN.
- (a) Bagaimanakah Pulau Pinang terlibat secara langsung dalam usaha menjadi sebuah pusat perdagangan dan inovasi?
 - (b) Terangkan peluang ekonomi yang boleh diperolehi dalam meningkatkan daya saing negeri dalam pasaran serantau.
 - (c) Apakah inisiatif ASEAN yang boleh membantu negeri dari segi keperluan tenaga kerja serta latihan profesional?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

3. Malaysia memegang Pengerusi ASEAN pada 1977, 1997, 2005 dan 2015. Pada tahun 2025, Malaysia sekali lagi akan melaksanakan tugas sebagai Pengerusi ASEAN. Selaku Pengerusi ASEAN, Malaysia akan menjadi tuan rumah kepada Mesyuarat-mesyuarat Peringkat ASEAN 2025. Sebanyak 270 mesyuarat peringkat tertinggi pemimpin negara, peringkat menteri dan juga peringkat pegawai-pegawai akan diadakan sepanjang tahun 2025.

Program dan mesyuarat sidang kemuncak ASEAN 2025 tidak hanya tertumpu di ibu negara tetapi juga akan diadakan di beberapa lokasi terpilih termasuk Pulau Pinang.

Berikutannya, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memulakan kerjasama dan perbincangan dengan Kerajaan Persekutuan bagi persediaan awal mesyuarat-mesyuarat ASEAN yang akan diadakan di negeri ini. Kerjasama melalui beberapa kementerian dengan

Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah bertujuan untuk melancarkan persiapan Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025.

Setakat ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah bersetuju untuk menjadi hos persidangan trek kewangan ASEAN pada awal tahun 2025. Berkaitannya, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM226,000.00 sebagai komitmen tuan rumah menganjurkan majlis makan malam bersama delegasi ASEAN.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah menyatakan persetujuan awal bagi penyertaan dalam Sidang Kemuncak Mesyuarat Trek Kewangan yang akan diadakan di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang.

- (a) Mengambil peluang bagi kepengerusian Malaysia dalam ASEAN 2025, Kerajaan Negeri Pulau Pinang komited untuk mewujudkan tenaga kerja yang berlandaskan kehebatan teknologi dan kepakaran industri. Pulau Pinang berada pada kedudukan yang baik untuk menarik teknologi canggih dan pelaburan bernilai tinggi memandangkan negeri ini telah menjadi hab bagi industri semikonduktor dan elektronik.

Ini jelas dibuktikan apabila seperti lazimnya, sektor pembuatan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang tertinggi dan mencatatkan peningkatan bagi tahun 2022 pada kadar 15.9 peratus berbanding tahun sebelumnya sebanyak 12.4 peratus. Jumlah pelaburan bagi sektor pembuatan ini didorong oleh pertumbuhan positif industri elektronik dan elektrik (E&E), jentera dan peralatan (M&E), saintifik dan perubatan serta peralatan industri yang menyumbang sebanyak 85 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan pembuatan yang diluluskan untuk negeri ini untuk tahun 2022 atau bersamaan 27 peratus daripada pelaburan Malaysia bagi sektor-sektor tersebut. Pulau Pinang terus berada pada landasan yang kukuh apabila berjaya menarik kemasukan pelaburan baharu berimpak tinggi sepanjang tahun lalu di sebalik ketidaktentuan ekonomi global.

- (b) Seperti yang telah dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri dalam ucapan Bajet 2025, hala tuju bagi Kepengerusian Malaysia dalam ASEAN adalah untuk menjadikan Malaysia lebih berdaya tahan, berdaya cipta dan berpaksikan rakyat.

Oleh itu, selaras dengan hasrat tersebut dan bagi penganjuran mesyuarat-mesyuarat ASEAN di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri

akan memastikan penglibatan usahawan-usahawan tempatan khususnya dalam penyedia khidmat logistik, perhotelan, pelancongan termasuk jualan kraf tangan. Selain itu, usahawan tempatan akan turut dilibatkan semasa sesi pameran di bawah Pavillion Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

- (c) Sebagai persediaan awal ASEAN 2025, Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) telah menambah baik matrik kos yang dibenarkan (ACM) iaitu panduan untuk majikan berdaftar dengan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRD Corp).

Kenaikan had yuran kursus sehingga RM1,500 sejam atau RM10,500 sehari, berbanding RM6,000 sehari sebelum ini. Menerusi inisiatif ini akan memberi peluang kepada majikan untuk menyediakan program latihan yang lebih berkualiti dan bernilai tinggi kepada pekerja selaras dengan permintaan industri. Ini juga adalah sejajar dengan keperluan tenaga kerja moden yang semakin berkembang.

Majikan dari pelbagai sektor di negeri ini sewajarnya menggunakan inisiatif ini untuk melaksanakan lebih banyak program berkualiti dan berimpak tinggi termasuk program latihan yang berteraskan automasi dan kecerdasan buatan (AI). AI akan berupaya untuk membentuk dan merubah landskap tenaga kerja pada masa hadapan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(I)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

4. Pencegahan rasuah.

- (a) Senaraikan jumlah kes-kes siasatan dan tuduhan rasuah oleh SPRM di mahkamah sejak tahun 2020 mengikut penjawat awam, syarikat swasta dan ahli politik di Pulau Pinang.
- (b) Apakah mekanisme pengawasan Kerajaan Negeri untuk memastikan semua tender dan kontrak awam dijalankan dengan telus dan bebas daripada unsur rasuah?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

4. Berikut adalah kes siasatan dan tuduhan rasuah oleh SPRM di mahkamah sejak tahun 2020 mengikut kategori penjawat awam, syarikat swasta dan ahli politik di Pulau Pinang:
- (i) Statistik Operasi Di Pulau Pinang Bagi Tahun 2020 Hingga 2024 seperti di **LAMPIRAN A**.
 - (ii) Statistik Operasi Di Pulau Pinang - Tangkapan Mengikut Pecahan Kumpulan Perjawatan Bagi Tahun 2020 Hingga 2024 seperti di **LAMPIRAN B**.
 - (iii) Statistik Operasi Di Pulau Pinang - Pertuduhan Mengikut Pecahan Kumpulan Perjawatan Bagi Tahun 2020 Hingga 2024 seperti di **LAMPIRAN C**.

- (b) Urusan perolehan yang dilaksanakan di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah berdasarkan peraturan yang sama diguna pakai oleh Pentadbiran Kerajaan Persekutuan melalui Surat Pekeliling Kewangan Negeri (SPKN) Bil. 4/2019. SPKN Bil. 4/2019 mengarahkan semua agensi di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri yang menerima peruntukan daripada Kerajaan Negeri termasuk badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan untuk menerima pakai keseluruhan Pekeliling Perbendaharaan terutama dalam proses perolehan di agensi masing-masing.

Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan PK1.6, semua penjawat awam yang terlibat dengan urusan perolehan adalah diarahkan bagi menandatangani *Integrity Pact* termasuk ahli-ahli jawatankuasa pembuka peti, penilai dan Pihak Berkuasa Melulus (PBM) bagi sebut harga mahupun tender. *Integrity Pact* merupakan satu proses pengisytiharan sendiri oleh Syarikat / orang awam untuk tidak menawar atau memberi rasuah bagi mendapatkan kontrak atau sebagai ganjaran mendapatkan sesuatu kontrak atau bagi mempercepatkan sesuatu urusan perolehan Kerajaan, atau terlibat dengan pakatan tipuan bida. Pegawai awam hendaklah menandatangani satu akuan atau pengisytiharan untuk tidak melakukan perbuatan rasuah dalam pelaksanaan suatu kontrak perolehan Kerajaan. Objektif utama pelaksanaan *Integrity Pact* adalah untuk mengelakkan percanggahan kepentingan (*conflict of interest*) serta mencegah amalan rasuah, amalan tipuan bida dan ketirisan dalam perbelanjaan Kerajaan serta mengekang penyalahgunaan kuasa.

Selain itu, pemisahan kuasa dalam urusan perolehan Kerajaan juga sememangnya telah dipraktikkan berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan PK2.9 (Sebut Harga) dan PK2.2 (Tender Terbuka). Pemisahan kuasa ini merujuk kepada pelantikan kakitangan yang berlainan bagi setiap jawatankuasa sama ada bagi menganggotai Jawatankuasa Spesifikasi, Jawatankuasa Pembuka Peti, Jawatankuasa Penilai mahupun Pihak Berkuasa Melulus. Pemisahan kuasa berdasarkan pelantikan individu yang berbeza ini dapat memastikan proses semak dan imbang (*check and balance*) dipraktikkan dan mampu mengelak berlakunya salah guna kuasa dalam urusan perolehan Kerajaan.

Statistik Operasi Di Pulau Pinang Bagi Tahun 2020 Hingga 2024

STATISTIK OPERASI DI PULAU PINANG BAGI TAHUN 2020 HINGGA 2024						
TAHUN	MAKLUMAT	KERTAS PENYIASATAN AWAL	KERTAS SIASATAN	TANGKAP	TUDUH	SABITAN
2020	485	85	52	46	18	16
2021	373	66	41	53	19	9
2022	318	39	32	34	10	5
2023	251	15	37	64	17	14
2024	247	35	55	170	25	15
JUMLAH	1674	240	217	367	89	59

Statistik Operasi Di Pulau Pinang - Tangkapan Mengikut Pecahan Kumpulan Perjawatan Bagi Tahun 2020 Hingga 2024

STATISTIK OPERASI DI PULAU PINANG - TANGKAPAN MENGIKUT PECAHAN KUMPULAN PERJAWATAN BAGI TAHUN 2020 HINGGA 2024								
TAHUN	PENJAWAT AWAM			ORANG AWAM	SWASTA	GLC	AHLI POLITIK	JUMLAH
	PENGURUSAN TERTINGGI	PENGURUSAN DAN PROFESIONALISME	SOKONGAN					
2020	1	19	10	9	5	0	2	46
2021	0	1	29	15	8	0	0	53
2022	0	5	13	3	11	0	2	34
2023	0	7	13	10	34	0	0	64
2024	0	49	9	28	84	0	0	170
JUMLAH	1	81	74	65	142	0	4	367

Statistik Operasi Di Pulau Pinang - Pertuduhan Mengikut Pecahan Kumpulan Perjawatan Bagi Tahun 2020 Hingga 2024

STATISTIK OPERASI DI PULAU PINANG - PERTUDUHAN MENGIKUT PECAHAN KUMPULAN PERJAWATAN BAGI TAHUN 2020 HINGGA 2024								
TAHUN	PENJAWAT AWAM			ORANG AWAM	SWASTA	GLC	AHLI POLITIK	JUMLAH
	PENGURUSAN TERTINGGI	PENGURUSAN DAN PROFESIONALISME	SOKONGAN					
2020	0	4	7	4	1	1	1	18
2021	0	2	12	3	2	0	0	19
2022	0	3	4	2	1	0	0	10
2023	0	1	7	2	7	0	0	17
2024	0	4	7	6	8	0	0	25
JUMLAH	0	14	37	17	19	1	1	89

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(I)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

5. Klinik Kesihatan (KK) Machang Bubuk.

- (a) Nyatakan kapasiti klinik serta bilangan pesakit dan pengguna klinik sejak penutupan Jabatan Pesakit Luar (OPD) Hospital Bukit Mertajam (HBM) mengikut bulan.
- (b) Nyatakan usaha jangka masa pendek, sederhana dan panjang bagi menangani isu kesesakan klinik yang serius.
- (c) Mengapakah tiada tanah rizab untuk pembinaan kemudahan kesihatan dalam perancangan bandar?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. (a) Klinik Kesihatan Machang Bubok pada asalnya adalah sebuah klinik desa yang telah dinaiktaraf kepada klinik kesihatan pada tahun 2012. Keluasan klinik adalah 0.249 ekar dan boleh menampung sekitar 100 pesakit sehari.

Sejak penutupan Jabatan Pesakit Luar Hospital Bukit Mertajam, terdapat peningkatan kedatangan ke Klinik Kesihatan Machang Bubok. Purata kedatangan sehari adalah antara 200-230 pesakit. Berikut adalah kedatangan pesakit ke Klinik Kesihatan Machang Bubok mengikut bulan dari Januari sehingga September pada tahun 2024:

Bulan	Jumlah Kedatangan Pesakit
Januari	5,287
Februari	5,364
Mac	5,796
April	5,640
Mei	6,238
Jun	5,184
Julai	5,913
Ogos	6,053
September	5,743

- (b) Bagi menangani isu kesesakan ini, pembaikan infrastruktur dan juga susun atur di dalam klinik perlu dilaksanakan. Pihak Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) dan Pejabat Kesihatan Daerah Seberang Perai Tengah sedang meneliti perkara ini sebaiknya.

Untuk menangani isu ini dalam jangka masa panjang, terdapat keperluan untuk mendirikan sebuah klinik kesihatan yang lebih besar bagi menampung peningkatan pesakit. Usaha untuk mengenal pasti tanah-tanah yang sesuai untuk pembangunan Klinik Kesihatan kini sedang dilaksanakan dengan kerjasama Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Seberang Perai Tengah.

- (c) Pada masa ini, tiada tanah rizab untuk pembinaan kemudahan kesihatan namun dan perkara ini akan dibincang dengan lebih mendalam bersama PLANMalaysia@Pulau Pinang (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa) serta Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang untuk mewujudkan garispanduan dan dasar yang sewajarnya.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(I)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

6. Terangkan status terkini projek pelebaran Jalan Perusahaan (Autocity) sehingga Jalan Tok Kangar.
- (a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) mematuhi tempoh projek, kualiti pembinaan serta pengurusan risiko yang cekap?
 - (b) Terangkan pengajaran-pengajaran yang diperolehi dalam public-private partnership (PPP) dalam melaksanakan projek tersebut agar manfaat optimum dapat dicapai.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. Kontraktor utama bagi projek tersebut kini dalam proses penamatan kontrak oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) berikutan pelanggaran terma kontrak. PDC kini sedang dalam proses melantik Kontraktor Penyiap untuk menyelesaikan baki kerja pembinaan di tapak. Pada masa yang sama, kerja pembaikan jalan telah dilaksanakan oleh kontraktor penyelenggaraan setelah kontraktor utama memberi notis untuk penyerahan keluar dari tapak.
- (a) Pelantikan Kontraktor Penyiap adalah berdasarkan senarai Kontraktor Penyiap yang kompeten, berpengalaman dan mempunyai kewangan syarikat yang kukuh bagi menyiapkan baki kerja-kerja pembinaan di tapak mengikut jadual perancangan dengan pembinaan yang berkualiti. Halangan-halangan utama di tapak yang menyebabkan kelewatan projek ini iaitu pengambilan balik tanah dan pengalihan utiliti sedia ada telah pun siap dilaksanakan.

- (b) Antara pengajaran yang diperolehi daripada pelaksanaan projek tersebut adalah pengambilan tanah perlulah diselesaikan terlebih dahulu sebelum kerja-kerja pembinaan dimulakan di tapak. Agensi pelaksana perlu melaksanakan libat urus dengan semua pihak berkepentingan dan agensi terlibat supaya semua proses dapat berjalan dengan lancar. Selain itu, proses penilaian kontraktor juga haruslah dilaksanakan dengan lebih teliti. Pelantikan kontraktor yang mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh, berpengalaman dan mempunyai kakitangan teknikal yang mencukupi adalah faktor yang utama untuk memastikan projek dapat dilaksanakan dengan lancar mengikut jadual perancangan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(I)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

7. Middle Bank Marine Sanctuary (MBMS).

- (a) Mengapakah pewartaan kawasan tersebut termasuk Pulau Gazumbo ditangguh?
- (b) Apakah rasionalnya PLB Engineering Bhd yang telah gagal mengurus tapak pengurusan Pulau Burung tetapi masih diberi projek rehabilitasi tapak pelupusan sisa pepejal Jelutong?
- (c) Apakah implikasi kewangan yang perlu ditanggung oleh kerajaan sekiranya perjanjian tersebut ditamatkan?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. (a) Penangguhan pewartaan *Middle Bank Marine Sanctuary* termasuk Pulau Gazumbo adalah disebabkan oleh Kawasan Middle Bank tersebut adalah didapati berada dalam lingkungan 500 meter daripada projek-projek berskala besar yang terikat kontrak bersama Kerajaan Negeri Pulau Pinang seperti Projek Guna Tanah yang melibatkan Tetuan Jelutong Development Sdn. Bhd. dan pelaksanaan Projek Penutupan Selamat Tapak Pelupusan Sampah Jelutong (TPSJ) oleh PLB Engineering Bhd. (PLBEB). Oleh hal yang demikian, jika cadangan pewartaan *Middle Bank* ini dilaksanakan, hal ini akan memberi kesan kepada pembangunan projek-projek yang telah dirancang.
- (b) *Joint Development Agreement* (JDA) bagi Projek Penutupan Selamat Tapak Pelupusan Sampah Jelutong (TPSJ) telah

ditandatangani pada 21 Februari 2020 di antara pihak Kerajaan Negeri, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan PLB Engineering Berhad (PLBEB). Manakala Perjanjian Konsesi bagi Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung adalah di antara pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang, Majlis Bandaraya Seberang Perai dan PLB Terang Sdn. Bhd.

- (c) Bagi menilai implikasi kewangan penamatan perjanjian, ia perlu memperhalusi sebab, asas dan fakta penamatan bergantung kepada syarat-syarat kandungan perjanjian.

SENARAI PROJEK PERKONGSIAN AWAM-SWASTA, PPP DI BAWAH KERAJAAN NEGERI

Bil.	Projek	Nilai Pelaburan	Nama Syarikat
1.	Projek Perpustakaan Digital Pulau Pinang Fasa 1	RM2.5 juta	1. Keysight Technologies 2. E&O Berhad
2.	Projek Perpustakaan Digital Butterworth	RM6.6 juta	Think City Sdn Bhd
3.	Projek Pembangunan Semula Astaka Hillside Tanjung Bungah, Di DTL	RM3.8 juta	Splendid Arch Sdn. Bhd.
4.	Projek Pembangunan Taman Kalidonia Indah Di SPS	RM67 juta	Eco Horizon Sdn. Bhd.
5.	Projek Pembangunan Stonyhurst International School, Di DTL	RM130 juta	Stonyhurst International School Penang
6.	Projek Perpustakaan Digital Batu Maung	RM0.1 juta	1. Mah Sing Sdn. Bhd. 2. Intel Sdn. Bhd.
7.	Projek Pembangunan Titian Silara, Bukit Bendera	RM36 juta	Creative Quest Sdn. Bhd. (CQSB).
8.	Projek Pembangunan Akademi Badminton & Pusat Pembelajaran Karpal Singh, Di Lot 482, Jalan Kaki Bukit, Gelugor, DTL	RM4 juta	ECM Libra Foundation
9.	Pembangunan Badminton Akademi Di DTL	RM460 juta	PGBC Sdn. Bhd.
10.	Pembangunan Semula Astaka Bayu Senja Di DTL	RM19.5 juta	Island Landcap Hospitality Sdn. Bhd.
11.	Projek Ferringhi Bay, DTL	RM5.9 juta	Island Landcap Hospitality Sdn. Bhd.

Bil.	Projek	Nilai Pelaburan	Nama Syarikat
12.	Projek Pembangunan 321-Unit Rumah Mampu Milik (RMM) C3 Sandiland Foreshore, DTL	RM373 juta	Tanjung Villa Capital Sdn. Bhd.
13.	Projek Pembangunan Perumahan di Lot 9117 & 20113, DTL	RM125 juta	Hamna Sdn Bhd
14.	Projek Pembangunan Perumahan Kampung Pisang Awak II, DTL	RM310 juta	JKP Jelutong Development Sdn. Bhd.
15.	Projek Pembangunan 205-Unit Rumah Mampu Milik (RMM) C3 Di Atas PT 4114, Mukim 13, DTL ()	RM112 juta	Patsifit Construction Sdn. Bhd.
16.	Projek Pembangunan Perumahan Grace Harmony Di Bandar Jelutong, DTL	RM105.8 juta	Nova Land Sdn. Bhd.
17.	Cadangan Pembangunan Satu (1) Unit Feri Pulau Angsa Untuk Dijadikan Produk Pelancongan	RM5 juta	Pierfront Sdn. Bhd.
18.	Projek kereta kabel Bukit Bendera	RM300 juta	Syarikat Hartasuma Sdn Bhd (HSB)
19.	Penang South Reclamation (PSR), Pulau A berserta Pembangunan, kemudahan infrastruktur di atas Pulau A, highway Pan Island Link 2A (PIL 2A), Airport Link Road.	RM13.6 bilion	Silicon Island Development Sdn. Bhd. (SIDSB)

SENARAI PROJEK PERKONGSIAN AWAM-SWASTA, PPP DI BAWAH KERAJAAN NEGERI

Bil.	Projek	Nilai Pelaburan	Nama Syarikat
1.	Projek Perpustakaan Digital Pulau Pinang Fasa 1	RM2.5 juta	1. Keysight Technologies 2. E&O Berhad
2.	Projek Perpustakaan Digital Butterworth	RM6.6 juta	Think City Sdn Bhd
3.	Projek Pembangunan Semula Astaka Hillside Tanjung Bungah, Di DTL	RM3.8 juta	Splendid Arch Sdn. Bhd.
4.	Projek Pembangunan Taman Kalidonia Indah Di SPS	RM67 juta	Eco Horizon Sdn. Bhd.
5.	Projek Pembangunan Stonyhurst International School, Di DTL	RM130 juta	Stonyhurst International School Penang
6.	Projek Perpustakaan Digital Batu Maung	RM0.1 juta	1. Mah Sing Sdn. Bhd. 2. Intel Sdn. Bhd.
7.	Projek Pembangunan Titian Silara, Bukit Bendera	RM36 juta	Creative Quest Sdn. Bhd. (CQSB).
8.	Projek Pembangunan Akademi Badminton & Pusat Pembelajaran Karpal Singh, Di Lot 482, Jalan Kaki Bukit, Gelugor, DTL	RM4 juta	ECM Libra Foundation
9.	Pembangunan Badminton Akademi Di DTL	RM460 juta	PGBC Sdn. Bhd.
10.	Pembangunan Semula Astaka Bayu Senja Di DTL	RM19.5 juta	Island Landcap Hospitality Sdn. Bhd.
11.	Projek Ferringhi Bay, DTL	RM5.9 juta	Island Landcap Hospitality Sdn. Bhd.

Bil.	Projek	Nilai Pelaburan	Nama Syarikat
12.	Projek Pembangunan 321-Unit Rumah Mampu Milik (RMM) C3 Sandiland Foreshore, DTL	RM373 juta	Tanjung Villa Capital Sdn. Bhd.
13.	Projek Pembangunan Perumahan di Lot 9117 & 20113, DTL	RM125 juta	Hamna Sdn Bhd
14.	Projek Pembangunan Perumahan Kampung Pisang Awak II, DTL	RM310 juta	JKP Jelutong Development Sdn. Bhd.
15.	Projek Pembangunan 205-Unit Rumah Mampu Milik (RMM) C3 Di Atas PT 4114, Mukim 13, DTL ()	RM112 juta	Patsifit Construction Sdn. Bhd.
16.	Projek Pembangunan Perumahan Grace Harmony Di Bandar Jelutong, DTL	RM105.8 juta	Nova Land Sdn. Bhd.
17.	Cadangan Pembangunan Satu (1) Unit Feri Pulau Angsa Untuk Dijadikan Produk Pelancongan	RM5 juta	Pierfront Sdn. Bhd.
18.	Projek kereta kabel Bukit Bendera	RM300 juta	Syarikat Hartasuma Sdn Bhd (HSB)
19.	Penang South Reclamation (PSR), Pulau A berserta Pembangunan, kemudahan infrastruktur di atas Pulau A, highway Pan Island Link 2A (PIL 2A), Airport Link Road.	RM13.6 bilion	Silicon Island Development Sdn. Bhd. (SIDSB)

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(I)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

9. Projek Lebuhraya Bertingkat Juru-Sungai Dua.

- (a) Terangkan kajian dan justifikasi utama bahawa projek ini dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas secara signifikan.
- (b) Nyatakan peranan PLUS dalam projek ini apabila pembiayaan kos projek melalui perkongsian awam-swasta (PPP).
- (c) Apakah garis masa bila projek ini dijangka bermula dan siap kerja?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. (a) Dapatan awal kajian di jajaran antara Plaza Tol Juru ke Plaza Tol Sungai Dua menunjukkan 30% adalah *Through Traffic*, manakala 70% adalah *Local Traffic*. Terdapat enam (6) krisis utama telah dikenal pasti di laluan sedia ada (local traffic) antara Plaza Tol Juru ke Plaza Tol Sungai Dua dan menunjukkan tahap *Level Of Service* (LOS) F pada waktu puncak iaitu:
- (i) Persimpangan Sungai Dua;
 - (ii) Persimpangan Permatang Pauh;
 - (iii) Persimpangan susur keluar masuk diantara Persimpangan Permatang Pauh (Jalan Tun Hussein Onn) ke Persimpangan Timur – Barat (Bulatan BKE);
 - (iv) Persimpangan Bulatan Timur – Barat (BKE);

- (v) Persimpangan susur keluar/masuk jambatan; dan
 - (vi) Persimpangan Autocity.
- (b) Pengumuman YAB Perdana Menteri dalam ucapan Belanjawan 2025 pada 18 Oktober 2024, pelaksanaan Projek Lebuhraya Bertingkat Juru-Sungai Dua adalah melalui kaedah pembiayaan secara *Public Private Partnership* (PPP). Sehubungan itu, PPP merupakan rujukan utama kaedah pembiayaan oleh Kementerian Kerja Raya (KKR). Walau bagaimanapun, model bisnis masih di peringkat penelitian KKR dan akan dimuktamadkan secepat mungkin bagi memastikan projek dapat dilaksanakan segera.
- (c) Garis masa pelaksanaan projek ini dijangka dimulakan pada tahun 2025 dan dijangka beroperasi pada tahun 2029 tertakluk kepada semua kelulusan wajib yang perlu dipatuhi.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(I)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

10. Projek pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP).
- (a) Berapakah kos keseluruhan dianggarkan untuk projek ini serta apakah sumber pembiayaannya?
 - (b) Nyatakan jumlah peruntukan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri juga perlu menanggung sebahagian daripada kos.
 - (c) Bagaimanakah Kerajaan memastikan projek ini akan bermula dan siap mengikut jadual?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. (a) Berdasarkan makluman oleh pihak Kementerian Pengangkutan (MOT) melalui surat bertarikh 4 Mac 2024, kos keseluruhan projek pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) adalah berjumlah RM1.55 bilion. Pembinaan LTAPP akan dibiayai oleh Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB).
- (b) Projek pembesaran LTAPP akan dibiayai hampir keseluruhannya melalui inisiatif pembiayaan swasta yang dilaksanakan oleh MAHB tanpa sebarang usahasama dengan mana-mana syarikat swasta lain. Komponen infrastruktur awam dan fasiliti Kerajaan melibatkan pembiayaan sebanyak RM250 juta. Bagi tujuan tersebut, MAHB perlu mendapatkan bantuan

daripada pihak Kerajaan. Oleh itu, Kerajaan Persekutuan akan menanggung sebanyak RM100 juta melalui kaedah pengurangan *User Fee*.

Manakala bagi baki RM150 juta, Majlis Jemaah Menteri memutuskan agar pihak Kementerian Pengangkutan (MOT) memohon pertimbangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menyediakan peruntukan tersebut bagi melaksanakan kerja-kerja infrastruktur luaran termasuk jalan, sistem saliran, sistem pembentungan, sistem agihan dan simpanan air serta fasiliti hub pengangkutan awam. Sehubungan dengan itu, pihak Kerajaan Negeri telah mengadakan beberapa siri perbincangan bersama pihak MOT dan MAHB. Hasil daripada mesyuarat dan sesi perbincangan tersebut, pihak Kerajaan Negeri, MOT dan MAHB bersetuju dengan pembiayaan sebanyak RM50 juta oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang melibatkan pembiayaan untuk infrastruktur awam luaran sahaja iaitu jalan dan sistem saliran bagi tujuan tebatan banjir.

- (c) Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menubuhkan dua (2) Jawatankuasa dalam usaha memastikan projek pembesaran LTAPP dapat berjalan dengan lancar. Buat masa ini, sebanyak empat (4) mesyuarat telah diadakan bagi membincangkan isu-isu berkaitan dengan projek pembesaran LTAPP ini. Mesyuarat-mesyuarat ini akan diadakan secara berkala dari masa ke semasa sekiranya terdapat isu-isu berbangkit yang perlu diselesaikan dengan segera agar projek dapat berjalan dengan lancar.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(I)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

11. Pesakit terdampar.

- (a) Senaraikan bilangan pesakit terdampar di hospital mengikut hospital dan bulan sejak tahun 2022.
- (b) Apakah usaha yang diambil oleh pihak hospital untuk menangani isu dan cabaran ini khasnya bagi mengurangkan kesesakan dalam hospital?
- (c) Nyatakan cara secara terperinci bagaimana menangani pesakit terdampar yang mengalami kesakitan mental.

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. (a) Bilangan data pesakit terdampar mengikut hospital bermula dari tahun 2022 sehingga kini di Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:

Bil	Hospital	Bil. Pesakit
1	Hospital Pulau Pinang	9
2	Hospital Seberang Jaya	1
3	Hospital Bukit Mertajam	1
4	Hospital Kepala Batas	0
5	Hospital Sungai Bakap	2
6	Hospital Balik Pulau	3
	Jumlah	16

- (b) Berkaitan isu kesesakan hospital, pihak Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) dan pihak hospital kini dalam usaha menangani isu dan cabaran terutamanya bagi mengurangkan kesesakan dalam hospital utama seperti Hospital Seberang Jaya dan Hospital Pulau Pinang dengan menggunakan inisiatif Hospital Kluster, di mana pesakit yang stabil di hospital utama akan dihantar dan dirujuk untuk penjagaan “*step down*” ke hospital lain yang tidak mempunyai doktor pakar seperti Hospital Sungai Bakap atau Hospital Balik Pulau.

Bagi warganegara Malaysia tanpa waris, pihak hospital melalui Jabatan Kerja Sosial Perubatan Hospital akan merujuk pesakit kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Pusat Jagaan Darul Hanan (Jabatan Agama Islam Pulau Pinang), pertubuhan kebajikan seperti Pertubuhan Tzu Chi dan lain-lain bagi menempatkan pesakit.

Bagi pesakit bukan warganegara, rujukan akan dibuat kepada kedutaan berkaitan dan dengan kerjasama Jabatan Imigresen, waris pesakit akan dikesan bagi memudahkan urusan pesakit yang terdampar. Manakala bagi pesakit warga asing berstatus pelarian, atau mempunyai kad UNHCR akan dirujuk kepada pertubuhan kebajikan berkaitan contohnya *Medecins Sans Frontieres* (MFS).

- (c) Bagi pesakit terdampar yang mengalami masalah kesihatan mental, pesakit dalam fasa akut akan dirawat dan distabilkan terlebih dahulu. Seterusnya, pesakit tersebut akan dirujuk kepada pegawai/pakar perubatan psikiatri untuk penilaian status kesihatan mental.

Jika terdapat keperluan, pesakit akan dirujuk ke Wad Psikiatri Hospital Pulau Pinang di Jalan Perak bagi rawatan lanjut sehingga stabil dan dirujuk kepada Jabatan Kerja Sosial Hospital untuk urusan penempatan selanjutnya.

**MESYUARAT KEDUA PENGKAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(I)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

12. Tabung Kecemasan Bencana.

- (a) Nyatakan peruntukan mengikut tahun yang disediakan kepada setiap Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) untuk tujuan kerja-kerja kecemasan dan bencana sejak tahun 2020.
- (b) Senaraikan bilangan keluarga dan jumlah peruntukan yang diberikan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) bagi bantuan bencana banjir mengikut daerah.

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. (a) Kerajaan Negeri telah menyediakan bantuan Tabung Bencana Negeri Pulau Pinang (Sebelum ini dikenali sebagai Tabung TYT Negeri Pulau Pinang) kepada mangsa-mangsa yang terjejas akibat bencana iaitu 10% daripada nilai kemusnahan/kerosakan, minima bantuan adalah sebanyak RM200.00 dan maksima bantuan adalah sebanyak RM5,000.00 kepada mangsa bencana terlibat. Laporan mengikut tahun adalah seperti di **LAMPIRAN A** (Laporan ini telah diambil daripada sistem Penang Alert). Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah menyediakan Wang Panjar Khas Akaun Amanah Krisis Negeri untuk membiayai perbelanjaan bagi maksud melaksanakan operasi menangani sesuatu krisis bagi kelangsungan hidup di peringkat daerah. Setiap daerah diberikan Wang Panjar Khas Krisis berjumlah RM5,000.00 sejak tahun 2020. Namun setelah diteliti semula, Wang Apungan Panjar tersebut dinaikkan kepada RM10,000.00 bagi setiap Pejabat Daerah dan Tanah (PDT).

- (b) Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) melalui Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengagihkan peruntukan bagi Pengurusan Pengoperasian Monsun Timur Laut (MTL), Peruntukan bagi Pembelian Bot Enjin dan Jaket Keselamatan, Peruntukan bagi Kerja-Kerja Baik Pulih dan Naik Taraf Pusat Pemindahan Sementara (PPS) serta Peruntukan bagi Pemberian Bantuan Bencana kepada Mangsa Bencana. Kesemua peruntukan tersebut telah diagihkan kepada setiap Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) bagi tujuan kerja-kerja kecemasan dan bencana sepanjang tahun 2020 hingga 2023 seperti di jadual berikut:

(i) Peruntukan Pengurusan Pengoperasian Monsun Timur Laut (MTL) Bagi Tahun 2020 Hingga 2023

BIL.	PEJABAT DAERAH DAN TANAH (PDT)	TAHUN/PERUNTUKAN (RM)				JUMLAH (RM)	CATATAN
		2020	2021	2022	2023		
1.	PDTDTL	20,000.00	35,000.00	40,000.00	40,000.00	135,000.00	Peruntukan yang diagihkan bagi Tahun 2021 dan 2022 adalah mengikut keperluan PDT pada masa tersebut
2.	PDTDBD	20,000.00	38,000.00	40,000.00	40,000.00	138,000.00	
3.	PDTSPT	20,000.00	46,000.00	40,000.00	40,000.00	146,000.00	
4.	PDTSPS	20,000.00	35,000.00	70,000.00	40,000.00	165,000.00	
5.	PDTSPU	20,000.00	30,000.00	40,000.00	40,000.00	130,000.00	
JUMLAH KESELURUHAN (RM)		100,000.00	184,000.00	230,000.00	200,000.00	714,000.00	

(ii) Peruntukan Bagi Pembelian Bot Dan Jaket Keselamatan Bagi Tahun 2022

BIL.	PEJABAT DAERAH DAN TANAH (PDT)	PERUNTUKAN (RM)
1.	PDTDTL	30,000.00
2.	PDTDBD	30,000.00
3.	PDTSPT	30,000.00
4.	PDTSPS	30,000.00
5.	PDTSPU	30,000.00
JUMLAH KESELURUHAN (RM)		150,000.00

(iii) Peruntukan Kerja-Kerja Baik Pulih Pusat Pemindahan Sementara (PPS) bagi Tahun 2022 dan 2023

BIL.	PEJABAT DAERAH DAN TANAH (PDT)	PERUNTUKAN (RM)
1.	PDTDTL	127,733.53
2.	PDTDBD	129,926.00
3.	PDTSPT	177,999.90
4.	PDTSPS	132,340.57
5.	PDTSPU	133,445.00
JUMLAH KESELURUHAN (RM)		701,445.00

(iv) Peruntukan Bantuan Bencana/Bantuan Wang Ihsan (BWI) bagi Tahun 2023/2024

BIL.	PEJABAT DAERAH DAN TANAH (PDT)	PERUNTUKAN (RM)
1.	PDTDTL	400,000.00
2.	PDTDBD	400,000.00
3.	PDTSPT	400,000.00
4.	PDTSPS	400,000.00
5.	PDTSPU	400,000.00
JUMLAH KESELURUHAN (RM)		2,000,000.00

(v) Peruntukan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) berjumlah RM2,000,000.00 telah diagihkan kepada setiap Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) iaitu RM400,000.00 masing-masing untuk diberikan kepada mangsa yang terjejas akibat bencana. Sebanyak 257 Keluarga / Ketua Isi Rumah (KIR) telah menerima Bantuan Wang Ihsan (BWI) berjumlah RM1,000.00 dan menjadikan jumlah bantuan yang diberikan kepada semua mangsa sebanyak RM257,000.00. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut :

BIL.	PEJABAT DAERAH DAN TANAH (PDT)	TAHUN			
		2023		2024	
		KIR	BWI (RM)	KIR	BWI (RM)
1.	PDTDTL	0	0	0	0
2.	PDTDBD	0	0	0	0
3.	PDTSPT	0	0	53	53,000.00
4.	PDTSPS	0	0	36	36,000.00
5.	PDTSPU	46	46,000.00	122	122,000.00
JUMLAH KELUARGA/KETUA ISI RUMAH (KIR)		46	46,000.00	211	211,000.00
JUMLAH BANTUAN WANG IHSAN YANG TELAH DIBERIKAN KEPADA MANGSA BENCANA (RM)		257,000.00			

Senarai Laporan Selesai TYT (Bulan Tahun dari 01/2024 hingga 12/2024)

Bil	No. Laporan	Tarikh Laporan	Tarikh Kejadian	Daerah	Nama Malapetaka	Jumlah Kerugian	Jumlah Bantuan	Bantuan Pendahuluan	Baki Bantuan	Status
1	5734	04/10/2024	15/09/2024	Daerah Barat Daya	Ribut	1,000.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
2	5733	02/10/2024	15/09/2024	Daerah Barat Daya	Ribut	2,000.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
3	5732	02/10/2024	17/09/2024	Daerah Barat Daya	Ribut	2,000.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
4	5731	02/10/2024	15/09/2024	Daerah Barat Daya	Ribut	2,000.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
5	5729	02/10/2024	15/09/2024	Daerah Barat Daya	Ribut	1,000.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
6	5728	02/10/2024	17/09/2024	Daerah Barat Daya	Ribut	1,000.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
7	5727	02/10/2024	15/09/2024	Daerah Barat Daya	Ribut	2,000.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
8	5726	02/10/2024	15/09/2024	Daerah Barat Daya	Ribut	3,000.00	300.00	300.00	-	Selesai di peringkat Daerah
9	5725	02/10/2024	15/09/2024	Daerah Barat Daya	Ribut	2,000.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
10	5724	02/10/2024	15/09/2024	Daerah Barat Daya	Ribut	300.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
11	5717	02/10/2024	15/09/2024	Daerah Barat Daya	Ribut	1,000.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
12	5716	02/10/2024	15/09/2024	Daerah Barat Daya	Ribut	5,000.00	500.00	500.00	-	Selesai di peringkat Daerah
13	5715	02/10/2024	17/09/2024	Daerah Barat Daya	Ribut	1,000.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
14	5714	02/10/2024	15/09/2024	Daerah Barat Daya	Ribut	1,000.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
15	5711	30/09/2024	15/09/2024	Daerah Barat Daya	Ribut	3,000.00	300.00	300.00	-	Selesai di peringkat Daerah
16	5700	30/09/2024	17/09/2024	Daerah Barat Daya	Ribut	400.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
17	5699	30/09/2024	17/09/2024	Daerah Barat Daya	Ribut	400.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
18	5681	27/09/2024	15/09/2024	Daerah Barat Daya	Ribut	400.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
19	5680	27/09/2024	18/09/2024	Daerah Barat Daya	Ribut	600.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
20	5678	27/09/2024	14/09/2024	Daerah Barat Daya	Ribut	400.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
21	5676	27/09/2024	18/09/2024	Daerah Barat Daya	Ribut	1,000.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
22	5674	27/09/2024	18/09/2024	Daerah Barat Daya	Ribut	3,000.00	300.00	300.00	-	Selesai di peringkat Daerah
23	5669	26/09/2024	17/09/2024	Daerah Barat Daya	Ribut	600.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
24	5601	23/09/2024	14/09/2024	Daerah Barat Daya	Ribut	1,900.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
25	5600	23/09/2024	18/09/2024	Daerah Barat Daya	Ribut	6,000.00	600.00	600.00	-	Selesai di peringkat Daerah
26	5599	23/09/2024	15/09/2024	Daerah Barat Daya	Pokok Tumbang	2,000.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
27	5598	23/09/2024	15/09/2024	Daerah Barat Daya	Pokok Tumbang	2,000.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
28	5596	23/09/2024	15/09/2024	Daerah Barat Daya	Ribut	1,000.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
29	5595	23/09/2024	18/09/2024	Daerah Barat Daya	Pokok Tumbang	1,000.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
30	5594	23/09/2024	19/09/2024	Daerah Barat Daya	Ribut	5,000.00	500.00	500.00	-	Selesai di peringkat Daerah
31	5592	23/09/2024	15/09/2024	Daerah Barat Daya	Ribut	10,000.00	1,000.00	1,000.00	-	Selesai di peringkat Daerah
32	5591	23/09/2024	18/09/2024	Daerah Barat Daya	Ribut	2,000.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
33	5571	20/09/2024	20/09/2024	Daerah Barat Daya	Ribut	100.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
34	5562	19/09/2024	15/09/2024	Daerah Barat Daya	Pokok Tumbang	10,000.00	1,000.00	1,000.00	-	Selesai di peringkat Daerah
35	5561	19/09/2024	15/09/2024	Daerah Barat Daya	Pokok Tumbang	6,000.00	600.00	600.00	-	Selesai di peringkat Daerah
36	5560	19/09/2024	18/09/2024	Daerah Barat Daya	Ribut	3,000.00	300.00	300.00	-	Selesai di peringkat Daerah
37	5559	19/09/2024	15/09/2024	Daerah Barat Daya	Ribut	200.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
38	5558	19/09/2024	18/09/2024	Daerah Barat Daya	Ribut	7,000.00	700.00	700.00	-	Selesai di peringkat Daerah
39	5556	19/09/2024	15/09/2024	Daerah Barat Daya	Ribut	10,000.00	1,000.00	1,000.00	-	Selesai di peringkat Daerah
40	5555	19/09/2024	17/09/2024	Daerah Barat Daya	Pokok Tumbang	2,000.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
41	5554	19/09/2024	18/09/2024	Daerah Barat Daya	Pokok Tumbang	6,000.00	600.00	600.00	-	Selesai di peringkat Daerah
42	5553	19/09/2024	15/09/2024	Daerah Barat Daya	Pokok Tumbang	3,500.00	350.00	350.00	-	Selesai di peringkat Daerah
43	5551	19/09/2024	18/09/2024	Daerah Barat Daya	Ribut	7,000.00	700.00	700.00	-	Selesai di peringkat Daerah
44	5550	19/09/2024	15/09/2024	Daerah Barat Daya	Ribut	7,000.00	700.00	700.00	-	Selesai di peringkat Daerah
45	5548	19/09/2024	15/09/2024	Daerah Barat Daya	Pokok Tumbang	3,000.00	300.00	300.00	-	Selesai di peringkat Daerah
46	5547	19/09/2024	15/09/2024	Daerah Barat Daya	Ribut	600.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
47	5536	17/09/2024	15/09/2024	Daerah Barat Daya	Pokok Tumbang	10,000.00	1,000.00	1,000.00	-	Selesai di peringkat Daerah
48	5534	17/09/2024	15/09/2024	Daerah Barat Daya	Pokok Tumbang	1,000.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
49	5519	10/09/2024	03/09/2024	Daerah Barat Daya	Pokok Tumbang	3,000.00	300.00	300.00	-	Selesai di peringkat Daerah
50	5516	09/09/2024	03/09/2024	Daerah Barat Daya	Ribut	2,000.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah

51	5515	09/09/2024	03/09/2024	Daerah Barat Daya	Ribut	-	500.00	500.00	-	Selesai di peringkat Daerah
52	5512	03/09/2024	27/08/2024	Daerah Barat Daya	Pokok Tumbang	1,000.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
53	5485	11/07/2024	02/07/2024	Daerah Barat Daya	Ribut	4,000.00	400.00	400.00	-	Selesai di peringkat Daerah
54	5472	01/07/2024	26/06/2024	Daerah Barat Daya	Kebakaran	6,070.00	600.00	600.00	-	Selesai di peringkat Daerah
55	5467	27/06/2024	21/06/2024	Daerah Barat Daya	Ribut	2,500.00	250.00	250.00	-	Selesai di peringkat Daerah
56	5328	04/04/2024	21/03/2024	Daerah Barat Daya	Kebakaran	1,000.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
57	5317	26/03/2024	26/03/2024	Daerah Barat Daya	Kebakaran	5,510.00	550.00	550.00	-	Selesai di peringkat Daerah
58	5274	06/03/2024	02/03/2024	Daerah Barat Daya	Kebakaran	30,000.00	3,000.00	1,000.00	2,000.00	Selesai di peringkat JKN
59	5273	29/02/2024	27/02/2024	Daerah Barat Daya	Ribut	3,000.00	300.00	300.00	-	Selesai di peringkat Daerah
60	5259	15/02/2024	14/02/2024	Daerah Barat Daya	Kebakaran	50,000.00	5,000.00	1,000.00	4,000.00	Selesai di peringkat JKN
61	5802	17/10/2024	15/10/2024	Seberang Perai Selatan	Pokok Tumbang	1,000.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
62	5740	07/10/2024	04/10/2024	Seberang Perai Selatan	Kebakaran	10,000.00	1,000.00	1,000.00	-	Selesai di peringkat Daerah
63	5663	26/09/2024	17/09/2024	Seberang Perai Selatan	Ribut	2,000.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
64	5656	26/09/2024	17/09/2024	Seberang Perai Selatan	Ribut	2,000.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
65	5611	24/09/2024	17/09/2024	Seberang Perai Selatan	Pokok Tumbang	9,000.00	900.00	900.00	-	Selesai di peringkat Daerah
66	5584	21/09/2024	15/09/2024	Seberang Perai Selatan	Ribut	5,000.00	500.00	500.00	-	Selesai di peringkat Daerah
67	5583	21/09/2024	15/09/2024	Seberang Perai Selatan	Ribut	1,000.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
68	5582	21/09/2024	15/09/2024	Seberang Perai Selatan	Ribut	1,000.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
69	5580	21/09/2024	15/09/2024	Seberang Perai Selatan	Ribut	1,000.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
70	5579	21/09/2024	15/09/2024	Seberang Perai Selatan	Ribut	1,000.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
71	5578	21/09/2024	15/09/2024	Seberang Perai Selatan	Ribut	1,000.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
72	5577	21/09/2024	17/09/2024	Seberang Perai Selatan	Ribut	3,000.00	300.00	300.00	-	Selesai di peringkat Daerah
73	5576	21/09/2024	15/09/2024	Seberang Perai Selatan	Ribut	1,000.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
74	5575	21/09/2024	15/09/2024	Seberang Perai Selatan	Ribut	1,000.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
75	5574	21/09/2024	15/09/2024	Seberang Perai Selatan	Ribut	1,000.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
76	5570	20/09/2024	18/09/2024	Seberang Perai Selatan	Pokok Tumbang	3,000.00	300.00	300.00	500.00	Selesai di peringkat Daerah
77	5570	20/09/2024	18/09/2024	Seberang Perai Selatan	Pokok Tumbang	3,000.00	300.00	300.00	500.00	Selesai di peringkat Daerah
78	5533	17/09/2024	15/09/2024	Seberang Perai Selatan	Ribut	10,000.00	1,000.00	1,000.00	-	Selesai di peringkat Daerah
79	5531	17/09/2024	15/09/2024	Seberang Perai Selatan	Ribut	10,000.00	1,000.00	1,000.00	-	Selesai di peringkat Daerah
80	5530	12/09/2024	07/09/2024	Seberang Perai Selatan	Pokok Tumbang	3,000.00	300.00	300.00	-	Selesai di peringkat Daerah
81	5514	05/09/2024	04/09/2024	Seberang Perai Selatan	Kebakaran	10,000.00	1,000.00	1,000.00	-	Selesai di peringkat Daerah
82	5511	03/09/2024	30/08/2024	Seberang Perai Selatan	Ribut	2,000.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
83	5509	26/08/2024	25/08/2024	Seberang Perai Selatan	Kebakaran	10,000.00	1,000.00	1,000.00	-	Selesai di peringkat Daerah
84	5500	08/08/2024	31/07/2024	Seberang Perai Selatan	Ribut	5,000.00	500.00	500.00	-	Selesai di peringkat Daerah
85	5465	25/06/2024	24/06/2024	Seberang Perai Selatan	Ribut	4,000.00	400.00	400.00	-	Selesai di peringkat Daerah
86	5464	24/06/2024	24/06/2024	Seberang Perai Selatan	Ribut	2,000.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
87	5445	29/05/2024	26/05/2024	Seberang Perai Selatan	Kebakaran	10,000.00	1,000.00	1,000.00	-	Selesai di peringkat Daerah
88	5441	17/05/2024	14/05/2024	Seberang Perai Selatan	Pokok Tumbang	5,000.00	500.00	500.00	-	Selesai di peringkat Daerah
89	5402	03/05/2024	01/05/2024	Seberang Perai Selatan	Kebakaran	10,000.00	1,000.00	1,000.00	-	Selesai di peringkat Daerah
90	5401	03/05/2024	25/04/2024	Seberang Perai Selatan	Ribut	5,000.00	500.00	500.00	-	Selesai di peringkat Daerah
91	5400	03/05/2024	25/04/2024	Seberang Perai Selatan	Ribut	5,000.00	500.00	500.00	-	Selesai di peringkat Daerah
92	5366	24/04/2024	19/04/2024	Seberang Perai Selatan	Kebakaran	3,000.00	300.00	300.00	-	Selesai di peringkat Daerah
93	5361	20/04/2024	07/04/2024	Seberang Perai Selatan	Kebakaran	85,000.00	1,000.00	1,000.00	-	Selesai di peringkat Daerah
94	5343	11/04/2024	10/04/2024	Seberang Perai Selatan	Ribut	10,000.00	1,000.00	1,000.00	-	Selesai di peringkat Daerah
95	5324	01/04/2024	26/03/2024	Seberang Perai Selatan	Ribut	2,000.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
96	5319	29/03/2024	26/03/2024	Seberang Perai Selatan	Ribut	5,000.00	500.00	500.00	-	Selesai di peringkat Daerah
97	5311	20/03/2024	17/03/2024	Seberang Perai Selatan	Kebakaran	5,000.00	500.00	500.00	-	Selesai di peringkat Daerah
98	5270	28/02/2024	27/02/2024	Seberang Perai Selatan	Ribut	2,000.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
99	5269	28/02/2024	25/02/2024	Seberang Perai Selatan	Pokok Tumbang	5,000.00	500.00	500.00	-	Selesai di peringkat Daerah
100	5266	27/02/2024	25/02/2024	Seberang Perai Selatan	Pokok Tumbang	10,000.00	1,000.00	1,000.00	-	Selesai di peringkat Daerah
101	5265	22/02/2024	11/02/2024	Seberang Perai Selatan	Ribut	3,500.00	350.00	350.00	-	Selesai di peringkat Daerah
102	5260	18/02/2024	13/02/2024	Seberang Perai Tengah	Kebakaran	20,000.00	2,000.00	1,000.00	1,000.00	Selesai di peringkat JKN

103	5242	09/01/2024	04/01/2024	Seberang Perai Tengah	Kebakaran	60,000.00	5,000.00	1,000.00	4,000.00	Selesai di peringkat JKN
104	5503	12/08/2024	09/08/2024	Seberang Perai Utara	Kebakaran	10,000.00	1,000.00	1,000.00	-	Selesai di peringkat Daerah
105	5502	12/08/2024	09/08/2024	Seberang Perai Utara	Pokok Tumbang	2,000.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
106	5501	12/08/2024	09/08/2024	Seberang Perai Utara	Pokok Tumbang	8,000.00	800.00	800.00	-	Selesai di peringkat Daerah
107	5486	15/07/2024	28/06/2024	Seberang Perai Utara	Pokok Tumbang	5,000.00	500.00	500.00	-	Selesai di peringkat Daerah
108	5483	10/07/2024	04/07/2024	Seberang Perai Utara	Ribut	400.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
109	5476	02/07/2024	29/06/2024	Seberang Perai Utara	Kebakaran	12,000.00	500.00	500.00	-	Selesai di peringkat Daerah
110	5474	01/07/2024	24/06/2024	Seberang Perai Utara	Kebakaran	4,000.00	400.00	400.00	-	Selesai di peringkat Daerah
111	5470	27/06/2024	06/05/2024	Seberang Perai Utara	Ribut	2,000.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
112	5469	27/06/2024	21/06/2024	Seberang Perai Utara	Ribut	300.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
113	5468	27/06/2024	29/05/2024	Seberang Perai Utara	Ribut	10,000.00	1,000.00	1,000.00	-	Selesai di peringkat Daerah
114	5463	24/06/2024	19/06/2024	Seberang Perai Utara	Kebakaran	2,000.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
115	5461	24/06/2024	19/06/2024	Seberang Perai Utara	Kebakaran	10,000.00	1,000.00	1,000.00	-	Selesai di peringkat Daerah
116	5452	12/06/2024	09/04/2024	Seberang Perai Utara	Ribut	4,000.00	400.00	400.00	-	Selesai di peringkat Daerah
117	5451	12/06/2024	01/06/2024	Seberang Perai Utara	Kebakaran	2,000.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
118	5450	11/06/2024	09/06/2024	Seberang Perai Utara	Kebakaran	5,000.00	500.00	500.00	-	Selesai di peringkat Daerah
119	5449	05/06/2024	03/06/2024	Seberang Perai Utara	Ribut	600.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
120	5444	20/05/2024	10/05/2024	Seberang Perai Utara	Pokok Tumbang	3,000.00	300.00	300.00	-	Selesai di peringkat Daerah
121	5442	20/05/2024	17/05/2024	Seberang Perai Utara	Pokok Tumbang	5,000.00	500.00	500.00	-	Selesai di peringkat Daerah
122	5440	15/05/2024	10/05/2024	Seberang Perai Utara	Kebakaran	10,000.00	1,000.00	1,000.00	-	Selesai di peringkat Daerah
123	5436	14/05/2024	04/05/2024	Seberang Perai Utara	Ribut	1,500.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
124	5418	07/05/2024	23/04/2024	Seberang Perai Utara	Kebakaran	10,000.00	1,000.00	1,000.00	-	Selesai di peringkat Daerah
125	5413	06/05/2024	01/05/2024	Seberang Perai Utara	Pokok Tumbang	2,000.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
126	5363	23/04/2024	10/04/2024	Seberang Perai Utara	Ribut	10,000.00	1,000.00	1,000.00	-	Selesai di peringkat Daerah
127	5362	23/04/2024	10/04/2024	Seberang Perai Utara	Ribut	8,000.00	800.00	800.00	-	Selesai di peringkat Daerah
128	5359	19/04/2024	10/04/2024	Seberang Perai Utara	Ribut	3,000.00	300.00	300.00	-	Selesai di peringkat Daerah
129	5358	19/04/2024	10/04/2024	Seberang Perai Utara	Ribut	5,000.00	500.00	500.00	-	Selesai di peringkat Daerah
130	5357	19/04/2024	10/04/2024	Seberang Perai Utara	Ribut	7,000.00	700.00	700.00	-	Selesai di peringkat Daerah
131	5356	19/04/2024	10/04/2024	Seberang Perai Utara	Ribut	4,000.00	400.00	400.00	-	Selesai di peringkat Daerah
132	5355	19/04/2024	10/04/2024	Seberang Perai Utara	Ribut	5,000.00	500.00	500.00	-	Selesai di peringkat Daerah
133	5354	19/04/2024	10/04/2024	Seberang Perai Utara	Ribut	6,000.00	600.00	600.00	-	Selesai di peringkat Daerah
134	5353	17/04/2024	10/04/2024	Seberang Perai Utara	Ribut	5,000.00	500.00	500.00	-	Selesai di peringkat Daerah
135	5337	04/04/2024	28/03/2024	Seberang Perai Utara	Ribut	700.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
136	5336	04/04/2024	28/03/2024	Seberang Perai Utara	Ribut	5,000.00	500.00	500.00	-	Selesai di peringkat Daerah
137	5335	04/04/2024	28/03/2024	Seberang Perai Utara	Ribut	5,000.00	500.00	500.00	-	Selesai di peringkat Daerah
138	5334	04/04/2024	28/03/2024	Seberang Perai Utara	Ribut	1,300.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
139	5331	04/04/2024	28/03/2024	Seberang Perai Utara	Ribut	5,000.00	500.00	500.00	-	Selesai di peringkat Daerah
140	5330	04/04/2024	28/03/2024	Seberang Perai Utara	Ribut	10,000.00	1,000.00	1,000.00	-	Selesai di peringkat Daerah
141	5329	04/04/2024	28/03/2024	Seberang Perai Utara	Ribut	3,000.00	300.00	300.00	-	Selesai di peringkat Daerah
142	5313	21/03/2024	02/03/2024	Seberang Perai Utara	Ribut	4,000.00	400.00	400.00	-	Selesai di peringkat Daerah
143	5310	19/03/2024	02/03/2024	Seberang Perai Utara	Ribut	4,000.00	400.00	400.00	-	Selesai di peringkat Daerah
144	5308	18/03/2024	02/03/2024	Seberang Perai Utara	Ribut	1,000.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
145	5307	18/03/2024	02/03/2024	Seberang Perai Utara	Ribut	2,000.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
146	5306	18/03/2024	02/03/2024	Seberang Perai Utara	Ribut	3,000.00	300.00	300.00	-	Selesai di peringkat Daerah
147	5305	18/03/2024	02/03/2024	Seberang Perai Utara	Ribut	5,000.00	500.00	500.00	-	Selesai di peringkat Daerah
148	5302	18/03/2024	02/03/2024	Seberang Perai Utara	Ribut	7,000.00	700.00	700.00	-	Selesai di peringkat Daerah
149	5301	18/03/2024	18/03/2024	Seberang Perai Utara	Ribut	10,000.00	1,000.00	1,000.00	-	Selesai di peringkat Daerah
150	5298	18/03/2024	02/03/2024	Seberang Perai Utara	Ribut	1,500.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
151	5297	18/03/2024	02/03/2024	Seberang Perai Utara	Ribut	500.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
152	5296	18/03/2024	02/03/2024	Seberang Perai Utara	Ribut	1,000.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
153	5295	18/03/2024	02/03/2024	Seberang Perai Utara	Ribut	5,000.00	500.00	500.00	-	Selesai di peringkat Daerah
154	5294	18/03/2024	02/03/2024	Seberang Perai Utara	Ribut	1,000.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
155	5287	07/03/2024	02/03/2024	Seberang Perai Utara	Ribut	1,500.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah

156	5285	06/03/2024	02/03/2024	Seberang Perai Utara	Ribut	5,000.00	500.00	500.00	-	Selesai di peringkat Daerah
157	5284	06/03/2024	02/03/2024	Seberang Perai Utara	Ribut	3,000.00	300.00	300.00	-	Selesai di peringkat Daerah
158	5283	06/03/2024	02/03/2024	Seberang Perai Utara	Ribut	5,000.00	500.00	500.00	-	Selesai di peringkat Daerah
159	5282	06/03/2024	02/03/2024	Seberang Perai Utara	Ribut	500.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
160	5281	06/03/2024	02/03/2024	Seberang Perai Utara	Ribut	1,000.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
161	5279	06/03/2024	02/03/2024	Seberang Perai Utara	Ribut	10,000.00	1,000.00	1,000.00	-	Selesai di peringkat Daerah
162	5276	06/03/2024	02/03/2024	Seberang Perai Utara	Ribut	1,000.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
163	5271	29/02/2024	25/01/2024	Seberang Perai Utara	Ribut	5,000.00	500.00	500.00	-	Selesai di peringkat Daerah
164	5268	27/02/2024	27/02/2024	Seberang Perai Utara	Ribut	2,000.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
165	5267	27/02/2024	27/02/2024	Seberang Perai Utara	Ribut	2,000.00	200.00	200.00	-	Selesai di peringkat Daerah
166	5256	08/02/2024	06/02/2024	Seberang Perai Utara	Kebakaran	3,000.00	300.00	300.00	-	Selesai di peringkat Daerah
Jumlah Keseluruhan (RM)						836,780.00	78,500.00	67,500.00	12,000.00	

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(I)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

13. Penemuan hidrokarbon di Lembangan Langkasuka.

- (a) Terangkan secara terperinci tentang keputusan kaji selidik yang dijalankan Petronas yang dijangka siap pada Jun 2024.
- (b) Adakah Kerajaan Negeri akan menubuhkan anak syarikat seperti Petroleum Sarawak Bhd (Petros) bagi merencanakan pembangunan industri minyak dan gas? Jika tidak, kenapa?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

13. (a) Pada 15 November 2023, PETRONAS mengumumkan bahawa telah menjalankan satu tinjauan seismik 2D multi-klien baru di kawasan utara Selat Melaka untuk mengeksplorasi dan memetakan potensi hidrokarbon di blok terbuka PM320 dan PM321 Cekungan Langkasuka. Tinjauan ini akan meningkatkan ketersediaan data seismik yang lebih besar dan komprehensif. Tinjauan seismik yang sedang berlangsung ini bermula pada bulan Oktober 2023 dan dijadualkan akan selesai pada akhir Disember 2024. Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada pihak Petronas, buat masa ini seismik data 2D yang baru diperolehi masih sedang diproses. Data tersebut akan siap diproses pada awal tahun hadapan untuk tujuan *seismic interpretation* untuk mengenal pasti potensi di kawasan tersebut.
- (b) Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk menubuhkan anak syarikat seperti Petroleum Sarawak Bhd (Petros), sehingga tinjauan pihak Petronas dapat membuktikan kewujudan hidrokarbon di Lembangan Langkasuka.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(I)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

14. *Flood hazard map.*

- (a) Terangkan usaha Kerajaan Negeri dalam membangun satu peta untuk menunjukkan kawasan-kawasan yang berisiko tinggi banjir.
- (b) Senaraikan bilangan rumah yang terdedah dan terkesan kepada peristiwa cuaca ekstrem mengikut daerah.
- (c) Nyatakan dasar-dasar proaktif adaptasi iklim yang dirancang oleh Kerajaan Negeri untuk jangka masa panjang.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

14. (a) Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) Malaysia telah menghasilkan Peta Kemungkinan Banjir Negeri Pulau Pinang di mana satu sesi pembentangan telah diadakan semasa Mesyuarat JK MMK Tebatan Banjir Negeri Pulau Pinang Bil. 2 Tahun 2024 yang berlangsung pada 17 Julai 2024.

Sebagai langkah untuk memperhalusi lagi ketepatan peta ini, Kerajaan Negeri secara dasarnya tiada halangan untuk mengadakan perkongsian kepada agensi-agensi Kerajaan dan pemegang taruh berkaitan terlebih dahulu.

- (b) Cuaca ekstrem berlaku dari 17 Oktober 2024 hingga 20 Oktober 2024. Jadual di bawah, yang diperoleh daripada Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS), menunjukkan bilangan rumah yang terjejas mengikut daerah :

BIL.	DAERAH	JUMLAH RUMAH (BUAH)
1	TIMUR LAUT	0
2	BARAT DAYA	37
3	SEBERANG PERAI UTARA	9
4	SEBERANG PERAI TENGAH	34
5	SEBERANG PERAI SELATAN	6
JUMLAH		86

- (c) Antara dasar-dasar proaktif adaptasi iklim yang dirangka oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:
- (i) Program Penanaman 1 Juta Pokok sempena *Earth Day*;
 - (ii) Pembinaan longkang dan parit bagi kerja-kerja mitigasi kawasan berisiko banjir;
 - (iii) Kerja-kerja mitigasi di kawasan cerun-cerun bukit yang terlibat dengan hakisan tanah runtuh;
 - (iv) Penganjuran *Tabletop Exercise* (TTX) dan Latih Amal Bencana bagi tujuan mengukur tahap kesiapsiagaan serta menguji pelan kecemasan dan kaedah pengurusan dalam menangani bencana oleh setiap agensi yang terlibat;
 - (v) Penganjuran Bengkel-bengkel Pengoperasian Pengurusan Bencana Bersama dengan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) melalui Unit Pengurusan Bencana untuk meningkatkan pemahaman peserta tentang peranan dan tanggungjawab sebagai *Focal Person* / pasukan responden bencana dan memberi pendedahan strategi serta pengendalian bencana di peringkat Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) dan Pos Kawalan Tempat Kejadian (PKTK);
 - (vi) Kerajaan Negeri juga dalam proses penyediaan Pelan Strategik Pengurusan Bencana Negeri Pulau Pinang Tahun 2025-2030 dengan Kerjasama Penang Green Council (PGC) dan Universiti Sains Malaysia (USM); dan

- (vii) Beberapa projek yang dilaksanakan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPSPP) dan Think City yang berasaskan adaptasi iklim iaitu Penang Nature-Based Climate Adaptation Programme (PNBCAP) yang dibiayai (USD10.0 juta) oleh UN-Habitat.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(I)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

15. Pelebaran Jalan Alma / Bukit Minyak ke Jalan Rozhan (Pakej 2).

- (a) Terangkan status terkini tentang cadangan tersebut khasnya dari segi kos pembinaan dan kos pengambilan balik tanah.
- (b) Berikan garis masa untuk pelaksanaan projek tersebut.
- (c) Apakah faktor-faktor kekangan pelaksanaan projek serta usaha untuk mengatasinya?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. (a) Cadangan projek ini telah dimasukkan dalam senarai projek Rancangan Negeri Pulau Pinang (RNPP) bagi pelantikan perunding kerja ukur tanah untuk penyediaan reka bentuk. Anggaran kos pembinaan projek ini adalah sebanyak RM12.6 juta manakala bagi anggaran kos pengambilan balik tanah hanya dapat ditentukan setelah kerja-kerja ukur tanah dilaksanakan.

(b) Anggaran garis masa pelaksanaan projek adalah seperti berikut:

Bil.	Jenis Kerja	Tempoh
1.	Kerja-kerja survei dan reka bentuk serta perolehan	1.5 tahun
2.	Kerja-kerja pengambilan balik tanah dan pengalihan utiliti	1 - 1.5 tahun
3.	Kerja-kerja pembinaan di tapak	2 tahun

Pelaksanaan projek adalah tertakluk kepada kelulusan peruntukan pembangunan bagi tahun 2026.

- (c) Faktor kekangan pelaksanaan projek adalah pengalihan utiliti dan keperluan pengambilan balik tanah. Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang (JKRPP) akan bekerjasama dengan semua pihak yang terlibat bagi memastikan kelancaran proses tersebut.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(I)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

16. Batu Kawan Industrial Park (BKIP).

- (a) Siapakah yang bertanggungjawab untuk mengurus / mentadbir tapak industri tersebut?
- (b) Berapakah jumlah peluang pekerjaan yang diwujudkan serta sumbangannya kepada pembangunan ekonomi negeri?
- (c) Nyatakan jangkaan kegunaan bekalan elektrik dan air yang diperlukan serta bagaimanakah ia dapat dipenuhi?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

16. (a) Pada masa ini, pihak yang bertanggungjawab untuk mengurus/mentadbir Taman Perindustrian Batu Kawan (BKIP) adalah pihak PDC. Selain itu, pihak Invest Penang juga memainkan peranan dalam membantu PDC dalam menarik pelabur untuk bertapak di kawasan perindustrian PDC. Namun begitu, apabila pembangunan BKIP siap sepenuhnya, kawasan ini akan ditadbir urus oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan pihak berkuasa lain seperti Jabatan Kerja Raya (JKR), Indah Water Konsortium (IWK) dan sebagainya.
- (b) Peluang pekerjaan yang diwujudkan serta sumbangan kepada Pembangunan ekonomi negeri di BKIP adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH NILAI PELABURAN PEMBUATAN DILULUSKAN (RM JUTA)	JUMLAH PELUANG PEKERJAAN YANG DIWUJUDKAN
2018	781.4	1,292
2019	4,241.6	2,877
2020	5,078.0	3,995
2021	1,553.0	695
2022	5,613.3	4,784
2023	4,179.0	2,884
PERTENGAHAN 2024	2,657.9	1,228

Sumber: MIDA (sehingga suku kedua 2024 sahaja)

- (c) Jangkaan kegunaan bekalan elektrik di BKIP adalah 239 Megawatt (MW) secara keseluruhan. Bagi memenuhi kehendak tersebut, PDC telah menyediakan tiga (3) tapak Pencawang Masuk Utama (PMU) dan lapan (8) tapak Pencawang Pembahagian Utama (PPU) kepada pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Bagi kawasan industri, kapasiti yang diperlukan adalah berdasarkan pengiraan dua (2) hari simpanan dan jangkaan permintaan air adalah sebanyak 46 juta liter. Berdasarkan kepada penyediaan infrastuktur di kawasan BKIP, jalan-jalan yang telah dibina adalah termasuk sistem retikulasi paip air. Sebanyak satu (1) kolam takungan air sedia ada di bawah PBA dan pembinaan kolam takungan air kedua telah dimulakan pada Ogos 2024 dengan tempoh pembinaan selama 3 tahun.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(I)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

17. Sektor semikonduktor.

- (a) Nyatakan pelan strategi jangka masa panjang Kerajaan Negeri untuk membangunkan sektor ini agar menjadi salah satu penyumbang utama kepada ekonomi negeri.
- (b) Adakah sasaran tahunan yang jelas untuk menarik pelaburan seperti Taiwan Semiconductor Manufacturing Company (TSMC) untuk melabur di Pulau Pinang?
- (c) Apakah ukuran kejayaan yang digunakan untuk menilai keberkesanan strategi tersebut?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

17. (a) Sektor elektrik dan elektronik (E&E) di Negeri Pulau Pinang merupakan penyumbang utama kepada keseluruhan nilai eksport E&E Negara Malaysia iaitu sebanyak 58% pada tahun 2023. Pelan dan strategi jangka masa panjang Kerajaan Negeri untuk membangun sektor ini adalah dengan memberi fokus dan tumpuan kepada tiga (3) aktiviti utama di bawah Strategi Semikonduktor Kebangsaan (NSS) iaitu *IC Design*, *advanced packaging* dan *manufacturing equipment*. Berikut adalah maklumat lanjut mengenai tiga (3) sektor utama ini iaitu:
- (i) Kerajaan Negeri telah memperkenalkan inisiatif transformasi baharu iaitu *Penang Silicon Design @5km+* melalui Pembangunan Industri Reka Bentuk Litar Bersepadu (*IC Design*) di Pulau Pinang. Inisiatif ini

merangkumi tiga (3) komponen iaitu Taman Reka Bentuk IC & Digital Pulau Pinang, Akademi Reka Bentuk Cip Pulau Pinang dan Ruang Penyelidikan & Inkubasi Silikon. Bagi menarik dan menyokong lebih banyak pemain reka bentuk litar bersepadu (IC) yang ingin menubuhkan dan mengembangkan operasi mereka di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kerajaan Pusat bakal menawarkan skim pakej insentif yang terdiri daripada subsidi bernilai sehingga RM2.0 juta setahun selama tiga (3) tahun yang terbuka untuk syarikat reka bentuk IC tempatan dan asing yang beroperasi di Malaysia;

- (ii) Tumpuan utama terus diberikan kepada aktiviti berkaitan *Front-End Semiconductor* seperti *advanced packaging* dalam pelan hala tuju yang selari dengan Strategi Semikonduktor Kebangsaan (NSS). Pelan ini telah pun direalisasikan melalui empat (4) projek pelaburan asing di Negeri Pulau Pinang yang mempunyai kepakaran dalam aktiviti *advanced packaging* seperti TF-AMD, ASE, Intel dan SPIL. Kehadiran keempat-empat syarikat ini telah membantu memperkukuhkan lagi aktiviti ekosistem *advanced packaging* Negeri Pulau Pinang yang semakin berkembang.
 - (iii) Projek pelaburan syarikat Lam Research iaitu pembekal global peralatan dan perkhidmatan fabrikasi wafer untuk *front-end semiconductor industry*, Ultra Clean Holdings (UCT) iaitu sebuah syarikat yang membangunkan dan membekalkan subsistem dan komponen kritikal kepada Lam Research dan juga beberapa syarikat pembekal tempatan akan menjadikan Negeri Pulau Pinang hab terkemuka bagi pembuatan *front-end equipment*.
- (b) Kerajaan Negeri telah membuat perancangan yang jelas untuk menarik pelaburan seperti Taiwan Semiconductor Manufacturing Company (TSMC) untuk melabur di Pulau Pinang. PDC sentiasa bekerjasama rapat bersama agensi-agensi seperti MIDA dan Invest Penang bagi menarik pelabur dari industri teknologi tinggi dan pengeluaran produk yang mempunyai nilai tambah. Ini dapat dilihat dari usaha PDC dalam membangunkan tiga (3) taman perindustrian baharu

iaitu Bandar Cassia Technology Park, Batu Kawan Industrial Park 3 dan Penang Science Park South.

TSMC merupakan foundry (fab) semikonduktor yang terkenal. Oleh yang demikian, lokasi tanah perindustrian yang ingin dicadangkan kepada TSMC perlu pada harga yang kompetitif, bekalan air dan elektrik pada kapasiti yang sangat tinggi dan jaminan bekalan yang disediakan adalah stabil pada setiap masa. Sebarang gangguan bekalan air ataupun bekalan elektrik semasa operasi pengilangan dijalankan akan menyebabkan kerugian yang sangat besar pada pelabur. Setakat ini, para pelabur tidak mempunyai masalah untuk mendapatkan bekalan elektrik pada kapasiti yang tinggi serta stabil (*dual source*). Akan tetapi, disebabkan oleh kekerapan gangguan bekalan air dan kekurangan bekalan air untuk tujuan perindustrian di Negeri Pulau Pinang, maka adalah mustahil untuk menyakinkan syarikat TSMC melabur di Negeri Pulau Pinang. Buat masa sekarang, Pulau Pinang dilihat kurang menarik terutama bagi projek pelaburan perindustrian yang memerlukan kapasiti air yang tinggi serta harga tanah perindustrian yang lebih kompetitif. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri telah mengenal pasti masalah ini dan sedang dalam tindakan menambah baik sistem bekalan air di kawasan perindustrian.

- (c) Ukuran kejayaan Kerajaan Negeri adalah berdasarkan jumlah pelaburan dalam bidang pembuatan yang disasarkan dan pencapaian pada setiap tahun. Jumlah sebenar pencapaian pelaburan bagi setiap negeri dan juga secara keseluruhan di Malaysia akan diumumkan oleh Malaysian Investment Development Authority (MIDA). Pada tahun 2023, Negeri Pulau Pinang menyasarkan jumlah pelaburan sebanyak RM5.0 bilion dan jumlah pencapaian sebenar yang diumumkan oleh MIDA adalah sebanyak RM63.4 bilion, iaitu yang tertinggi di Malaysia. Jumlah pencapaian pelaburan yang berlipat kali ganda lebih tinggi ini menunjukkan strategi yang digunakan adalah sangat berkesan.

Bagi inisiatif *Penang Silicon Design @5km+*, antara ukuran kejayaan yang digunakan untuk menilai keberkesanan strategi ini ialah menetapkan sasaran untuk menarik sekurang-kurangnya 10 syarikat reka bentuk litar bersepadu (IC) dari tempatan dan asing untuk menubuhkan atau mengembangkan

operasi mereka di Pulau Pinang. Selain itu, inisiatif ini menyasarkan untuk melatih dan meningkatkan kemahiran sebanyak 500 jurutera Malaysia dalam bidang teknologi tinggi bagi memenuhi keperluan industri semikonduktor.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(I)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

18. Tenaga kerja mahir.

- (a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan tenaga kerja mahir mencukupi untuk sektor elektrik dan elektronik (E&E)?
- (b) Terangkan usaha industri serta kerjasama bersama universiti atau institut latihan teknikal bagi melatih bakat tempatan untuk keperluan industri.
- (c) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi menyokong penyelidikan dan pembangunan (R&D) khususnya sektor E&E?

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

18. (a) Pulau Pinang merupakan sebuah negeri yang berasaskan industri elektronik dan pembuatan. Maka, Pulau Pinang memerlukan lebih ramai bakat teknikal yang terlatih untuk menyokong industri sedia ada di Pulau Pinang dan menarik pelaburan langsung asing (FDI) baharu. Selain itu, banyak syarikat multinasional (MNC) di Pulau Pinang mempunyai matlamat kepelbagaian, ekuiti dan inklusi (DEI) dalam tenaga kerja mereka. Justeru, Kerajaan Negeri mengambil langkah proaktif dengan melancarkan dua (2) pelan strategik seperti berikut:

(i) ***Penang Strategy for Economic Ecosystem Development 2023-2028***

Pelan strategi yang menekankan kepentingan bakat, infrastruktur dan pengangkutan sebagai penggerak ekosistem ekonomi yang dinamik di Pulau Pinang bagi mencapai sebuah hala tuju yang holistik supaya Pulau Pinang dapat mencapai kelebihan daya saing dalam menarik dan mengekalkan bakat-bakat muda.

(ii) **Pelan Tindakan Bakat STEM Pulau Pinang**

Sebuah perancangan jangka masa panjang dan pembangunan kemahiran untuk merealisasikan Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030 dan Strategi Semikonduktor Kebangsaan (NSS). Misi pelan tindakan ini adalah untuk menghasilkan tenaga kerja mahir dan mampan bagi memenuhi permintaan industri di Pulau Pinang.

- (b) Kerajaan Negeri Pulau Pinang menjalinkan banyak jaringan kerjasama dengan sektor swasta terutamanya dalam program bimbingan dan lawatan industri melibatkan jurutera dan saintis sebagai mentor kepada para pelajar. Selain itu, terdapat platform khas seperti *Corporate STEM Showcase* yang diadakan bertujuan memberikan peluang kepada sektor swasta untuk mempromosikan kerjaya dalam bidang STEM manakala syarikat multinasional dan syarikat besar tempatan memperkenalkan latar belakang korporat dan teknologi kepada para pelajar dan orang awam. Menuju ke arah melatih bakat tempatan, syarikat-syarikat swasta seperti Greatech, Flex, Micron dan Jabil telah menaja beberapa buah peralatan teknologi bagi memudahkan pelaksanaan program STEM di sekolah.
- (c) Penghasilan dan pengendalian alatan teknologi terutamanya dalam sektor Elektrik dan Elektronik (E&E) adalah satu inisiatif penting dalam memastikan pembangunan sektor teknologi tinggi di Malaysia semakin berkembang pesat. Antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam menyokong penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi sektor E&E adalah seperti berikut:

- (i) Bekerjasama dengan pemain industri dan institusi latihan untuk mencipta peluang latihan yang komprehensif bagi melatih generasi muda dengan kemahiran dan pengetahuan yang relevan seperti penghasilan komponen teknologi, pembangunan teknologi baharu dan sebagainya;
- (ii) Graduan dalam bidang sains bahan, kejuruteraan elektrik dan elektronik serta teknologi diberikan sokongan untuk menjalani latihan industri di kilang-kilang dan pusat penyelidikan berkaitan yang tersedia;
- (iii) Penubuhan hab dan inkubator teknologi di mana syarikat-syarikat kecil dan sederhana (SME) yang terlibat dalam sektor E&E dapat bekerjasama dengan institusi penyelidikan untuk memperoleh pengetahuan terkini;
- (iv) Menyokong segala hasrat kerjasama antara institusi penyelidikan dengan pemain industri yang mana usaha kerjasama ini mampu menggalakkan interaksi antara penyelidik dengan pengamal teknologi untuk mengkomersialkan penemuan baharu; dan
- (v) Memfasilitasi segala bentuk kerjasama dengan negara-negara maju dalam sektor E&E yang bakal membuka peluang kepada pemindahan teknologi ke Malaysia khususnya Pulau Pinang serta meningkatkan daya saing industri tempatan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(I)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

19. Birokrasi.

- (a) Nyatakan tempoh masa yang diambil oleh Kerajaan Negeri / Tempatan untuk memproses permohonan pelaburan dari awal hingga diluluskan.
- (b) Apakah usaha yang diambil untuk mengurangkan tempoh ini agar lebih mesra pelabur?
- (c) Apakah garis panduan dan sistem penilaian terbuka yang telus agar pelabur memahami semua prosedur yang perlu diikuti?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

19. (a) Pada peringkat awal, pelabur perlu mendapatkan kelulusan dari Kerajaan Persekutuan dahulu. Tempoh penilaian permohonan syarikat bagi sektor perkilangan dan perkhidmatan di bawah Piagam Pelanggan MIDA bagi permohonan lengkap diterima adalah seperti:
- (i) Lesen Pengilang penilaian secara *Fast Track*: 7 hari bekerja.
 - (ii) Insentif: 30 hari bekerja.
 - (iii) Pasca insentif: 30 hari bekerja.
 - (iv) Pengecualian duti import dan/atau cukai jualan daripada

Jabatan Kastam Diraja Malaysia: 35 hingga 40 hari bekerja.

- (v) Pejabat Serantau dan Perwakilan: 25 hari bekerja
- (vi) Pegawai Dagang: 3 hari bekerja bagi penilaian secara *Fast Track* dan 10 hari bekerja bagi penilaian secara *Normal Track*.

Bagi tindakan Kerajaan Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan, berikut adalah proses dan tempoh masa yang diperlukan bagi memproses permohonan pelaburan iaitu:

Proses permohonan bagi sektor pengilangan:

- (i) Pelabur perlu memohon lesen pengilangan (*Manufacturing License*) dan MIDA akan mengeluarkan lesen pengilangan sementara daripada MIDA.
- (ii) Pelabur perlu mendapatkan kelulusan daripada Kerajaan Negeri/tempatan tentang kesesuaian aktiviti di lokasi yang dicadangkan.
- (iii) Pelabur perlu memohon Surat Tiada Halangan (*No-Objection Letter - NOL*) daripada Invest Penang dalam tempoh masa 6 bulan selepas lesen pengilangan sementara dikeluarkan. (Tempoh pemprosesan NOL akan mengambil masa selama 1 bulan selepas dokumen lengkap diterima).

Sekiranya pemohon/pelabur didapati menyewa atau membeli kilang daripada pemilik asal yang beroperasi di Kawasan perindustrian PDC tanpa kebenaran (*consent*), pemilik tersebut perlu mendapatkan kebenaran terlebih dahulu dan ini akan memerlukan masa tambahan selama 14 hari dari tarikh dokumen lengkap permohonan kebenaran dihantar.

Manakala untuk pelabur yang memohon tanah perindustrian pembangunan Kerajaan Negeri (melalui PDC), keputusan permohonan akan diberi dalam tempoh 2 bulan selepas dokumen lengkap dihantar. (Tempoh ini merangkumi penjadualan sesi temuduga dengan pemohon, perbincangan antara jawatankuasa dan mendapatkan kelulusan daripada pihak pengurusan

jawatankuasa).

Bagi sektor digital ekonomi dan perkhidmatan pula, para pelabur akan merujuk kepada pihak Invest Penang untuk mendapatkan tiga perkara seperti:

(i) **Permohonan mendapatkan status dan insentif Malaysia Digital (MD)**

Selepas mengadakan perbincangan awal dengan pihak pelabur untuk mendapatkan maklumat pelaburan di Pulau Pinang:

- 1) Invest Penang akan mengatur satu mesyuarat lanjutan antara pelabur dan pihak Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) bagi membincangkan secara terperinci proses, prosedur dan kriteria permohonan status serta insentif Malaysia Digital.
- 2) Seterusnya, pelabur perlu mengemukakan permohonan melalui aplikasi dalam talian MDEC. MDEC akan melantik seorang pegawai khas untuk membimbing pelabur sepanjang proses permohonan. (Proses ini mengambil masa lebih kurang tiga (3) hingga enam (6) bulan untuk mendapatkan kelulusan).

(ii) **Permohonan mendapatkan ruang pejabat bagi aktiviti pelaburan**

Setelah menerima permohonan daripada pelabur, Invest Penang akan memberikan maklumat mengenai ruang pejabat yang sesuai, sama ada daripada bangunan Kerajaan Negeri atau pihak swasta. Sesi lawatan tapak juga akan diatur untuk pelabur.

Bagi bangunan swasta, pelabur boleh terus berhubung dengan wakil syarikat untuk proses sewaan. Jika pelabur memilih ruang pejabat daripada Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), mereka perlu mengisi borang permohonan dan menyediakan dokumen yang diperlukan, serta menghadiri mesyuarat saringan. Dalam mesyuarat ini, pelabur akan membentangkan pelan aktiviti, keperluan tenaga kerja dan maklumat lain yang berkaitan.

Proses permohonan pembelian tanah industri PDC mengambil masa lebih kurang satu (1) bulan sebelum sebarang keputusan bagi penawaran tanah dimaklumkan kepada pelabur.

Sesi saringan akan diadakan dalam tempoh lima (5) hari bekerja selepas dokumen lengkap diterima. Mesyuarat ini dihadiri oleh wakil Invest Penang dan PDC. Selepas itu, permohonan akan dibentangkan dalam mesyuarat Sektor Industri dan jika diluluskan PDC akan menghantar surat tawaran dalam satu (1) minggu. Pelabur akan diberi tempoh dua minggu untuk menerima tawaran tersebut. Jika setuju, perjanjian penyewaan akan disediakan, dan ia biasanya ditandatangani dalam tempoh dua (2) hingga empat (4) minggu, bergantung kepada persetujuan antara kedua-dua pihak.

(iii) Permohonan mendapatkan tenaga kerja

Jika pelabur memerlukan bantuan daripada Invest Penang untuk mendapatkan tenaga kerja, pelabur perlu memberikan maklumat tentang jenis tenaga kerja yang diperlukan, termasuk kemahiran dan jumlah pekerja yang diinginkan. Invest Penang akan menilai keperluan ini dan, dalam masa lima hari bekerja akan mengatur pertemuan antara pelabur dan agensi yang sesuai, seperti agensi pengambilan pekerja atau institusi pendidikan. Dengan cara ini, Invest Penang berkomitmen untuk membantu pelabur mendapatkan tenaga kerja berkualiti dan menyokong pertumbuhan industri di Pulau Pinang.

Selain itu, bagi peringkat Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), piagam permohonan bagi permohonan pelan pemajuan adalah berikut:

- 1) Permohonan Serentak (KM+PB) / (KM+PB+PJ): 73 hari
- 2) Kebenaran Merancang (KM): 73 hari
- 3) Pelan bangunan (PB): 50 hari
- 4) Pelan Kejuruteraan (PJ): 33 hingga 50 hari
- 5) Pelan Landskap: 50 hari

Tempoh 30 hari diberikan kepada pemohon untuk tunai syarat sebelum kelulusan endosan dikeluarkan kepada pemohon.

- (b) Usaha-usaha yang diambil untuk mengurangkan tempoh ini agar lebih mesra pelabur adalah seperti berikut:
 - (i) Garis panduan yang mesra pengguna dan ringkas juga dilampirkan dalam portal NOL supaya membantu pemohon memendekkan tempoh permohonan. Setiap agensi yang terlibat dalam proses ini juga menerima status terkini melalui portal tersebut. Invest Penang akan menghubungi pemohon seawal-awalnya selepas mendapat maklum balas daripada agensi masing-masing dan memberi khidmat nasihat kepada pemohon untuk menyempurnakan maklumat yang diwajibkan secepat mungkin;
 - (ii) Untuk mempercepatkan jadual temuduga, PDC juga telah beralih daripada temuduga fizikal ke temuduga atas talian untuk mengurangkan tempoh masa temuduga;
 - (iii) Invest Penang akan terus berkolaborasi dengan MDEC untuk membincangkan sebarang isu atau pertanyaan yang mungkin timbul semasa proses permohonan dan akan melakukan tindakan susulan atau *follow-up* secara berkala dengan MDEC untuk memastikan bahawa permohonan pelabur akan diproses dalam tempoh yang secepat mungkin dan berjalan;
 - (iv) MBSP telah melaksanakan inisiatif SPEED (*Seberang Perai Express and Effective Development*) MBSP untuk mempercepatkan mempermudah urusan kelulusan sehingga pembinaan siap beroperasi;
 - (v) Menyediakan perkhidmatan *hand-holding* untuk memastikan maklumat yang diperlukan bagi sesebuah permohonan dikemukakan oleh syarikat;
 - (vi) MIDA telah menyediakan perkhidmatan Pusat Maklumat Perniagaan (BIC) di ibu pejabat MIDA bagi memudahkan para pelabur mendapatkan bimbingan dan khidmat nasihat bagi projek pelaburan syarikat;

- (vii) MIDA juga telah menubuhkan Pusat Memudahcara Pelaburan Malaysia atau Invest Malaysia Facilitation Centre (IMFC) di ibu pejabat MIDA untuk mempercepatkan pelbagai proses kelulusan, dengan penyertaan daripada pelbagai Kementerian dan Agensi Kerajaan yang berkaitan di bawah satu bumbung. Inisiatif ini bukan sahaja dapat mengurangkan kerenah birokrasi, malahan dapat memudahkan perniagaan termasuk menerusi khidmat rundingan serta nasihat kepada para pelabur; dan
 - (viii) Selain itu, Pejabat Pelaksanaan Projek dan Fasilitasi (TRACK) di MIDA juga sentiasa proaktif dalam memantau status projek pelaburan yang diluluskan dan menyediakan khidmat fasilitasi bagi mempercepatkan pelaksanaan projek perkilangan yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Nasional Mengenai Pelaburan (NCI).
- (c) Garis panduan dan prosedur adalah bersifat telus dan terbuka agar pelabur memahami semua prosedur yang perlu dipatuhi. Garis panduan NOL boleh dimuat turun di pautan <https://enol.investpenang.gov.my/>. Pemohon akan diberi ID login unik untuk mengikuti perkembangan permohonan mereka yang segera. Permohonan dari sektor digital ekonomi dan perkhidmatan, kesemua pelabur akan dimaklumkan berkenaan semua prosedur melalui mesyuarat pertama dan seterusnya akan dibentangkan di dalam mesyuarat saringan.

Bagi MBSP pula, semua pelabur/pemaju perlu mematuhi garis panduan sedia ada yang diguna pakai oleh MBSP sebelum Permohonan Kebenaran Merancang/Pelan Bangunan/Pelan Kejuruteraan/Landskap diluluskan. Garis panduan MBSP dan senarai permohonan boleh dirujuk di dalam laman web MBSP.

Bagi pihak MIDA pula, maklumat mengenai garis panduan boleh dicapai melalui laman sesawang MIDA untuk rujukan para pelabur iaitu di <https://www.mida.gov.my/forms-and-guidelines/>. Para pelabur juga boleh menghubungi Bahagian Industri di MIDA serta Pusat Maklumat Perniagaan (BIC) di ibu pejabat MIDA bagi mendapatkan bimbingan dan maklumat lanjut mengenai permohonan syarikat. Kelulusan sesebuah

pemohonan syarikat adalah tertakluk kepada keputusan di bawah Jawatankuasa Nasional Mengenai Pelaburan (NCI) yang dipengerusikan bersama oleh Kementerian Kewangan (MOF) dan Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI). Antara ahli jawatankuasa yang terlibat adalah Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM), Bank Negara Malaysia (BNM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), dan lain-lain kementerian dan agensi tertakluk kepada keperluan kelulusan sesebuah projek pelaburan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(I)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

20. Menoktahkan kemiskinan.

- (a) Terangkan usaha-usaha konkrit yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri selaras dengan saranan Perdana Menteri.
- (b) Apakah mekanisme yang digunakan untuk memantau dan menilai keberkesanan usaha pembasmian kemiskinan?
- (c) Bagaimanakah big data analytic (BDA) dan teknologi digunakan untuk membuat *evidence-based policy* khususnya dalam usaha membasmi kemiskinan?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

20. (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperkenalkan dasar pembasmian kemiskinan tegar melalui Program Agenda Ekonomi Saksama sejak Mac 2009 yang merupakan bantuan kewangan secara bulanan untuk membantu isi rumah miskin. Sehubungan dengan itu, bermula dari bulan September 2020, AES telah digabungkan dengan Bantuan Am Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi mengoptimumkan sumber kewangan dan memastikan tadbir urus yang lebih efisien. Gabungan kedua-dua program ini dijenamakan sebagai Bantuan Agenda Ekonomi Saksama (BAES). Program BAES yang diberikan secara *top-up* kepada individu/keluarga yang berpendapatan per kapita bawah RM260 berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan Negeri. Memandangkan perbelanjaan bulanan rakyat yang semakin meningkat, Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk menaikkan jumlah

per kapita daripada RM260 kepada RM322 bermula Januari tahun 2025. Setiap permohonan bantuan yang memenuhi syarat-syarat kelayakan BAES akan diluluskan pada kadar antara RM100.00 (minimum) sehingga RM1,300.00 (maksimum) sebulan.

Selain itu, Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi (Bantuan Peralatan) di bawah Projek Khas Ekonomi diwujudkan sebagai inisiatif dalam menoktahkan kemiskinan dengan memfokuskan kepada peniaga kecil sepenuh masa termasuk golongan miskin yang telah menjalankan perniagaan dengan pendapatan perniagaan kurang daripada RM3,000 sebulan. Bantuan peralatan bertujuan bagi membantu peniaga mengembangkan perniagaan sedia ada untuk *output* yang lebih besar dan secara tidak langsung dapat meningkatkan pendapatan isi rumah bagi kelangsungan hidup yang lebih terjamin.

Kerajaan Negeri juga mengambil inisiatif dalam membantu golongan yang tidak berkemampuan dengan menyediakan kemudahan dan peruntukan bagi pembaikan fizikal rumah yang terjejas menerusi Program Bina Baru dan Baiki Rumah Rakyat Termiskin di bawah Program MMK Pembangunan Luar Bandar. Program ini yang telah diperkenalkan pada tahun 2008 merupakan usaha Kerajaan Negeri untuk menyediakan kediaman yang selamat dan selesa kepada golongan miskin di Pulau Pinang.

Seterusnya, Kerajaan Negeri menyediakan perkhidmatan Skim Pinjaman Harapan (SPH) kepada usahawan atau anak negeri yang ingin menceburi bidang keusahawanan. SPH di bawah seliaan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) ini menyediakan saluran modal tambahan yang mudah dan tidak membebankan peminjam tanpa syarat-syarat kelayakan yang kompleks dan menyukarkan proses pinjaman. Program pinjaman mikro kredit memberi peluang kepada usahawan tempatan, penganggur dan golongan B40 untuk menceburi bidang keusahawanan dengan membuat pinjaman wang tanpa sebarang cagaran dan penjamin. Golongan miskin ini dapat menggunakan pinjaman yang disediakan ini untuk mengubah nasib hidup mereka.

Di samping itu, kemudahan pinjaman kredit Tabung Usahawan Tani (TUT) Negeri Pulau Pinang turut ditawarkan kepada rakyat Pulau Pinang. Tabung pinjaman mikro kredit tanpa faedah ini diwujudkan bagi memberi dorongan kepada penternak, petani dan nelayan dalam golongan B40 khususnya untuk menjadikan sektor industri asas tani sebagai kerjaya dan punca pendapatan yang besar. Dahulunya dikenali sebagai Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) dan memfokuskan kepada belia, kini had umur tabung tersebut telah diperluas kepada peminjam berumur 18 hingga 60 tahun.

Program Mutiara Foodbank juga antara inisiatif Kerajaan Negeri berkonsepkan pengagihan semula makanan yang diselamatkan dan masih boleh dimakan dari pelbagai pasar raya sekitar Pulau Pinang. Pemberian bantuan makanan ini khusus kepada golongan sasaran yang telah dikenal pasti termasuklah golongan miskin.

- (b) Mekanisme untuk memantau dan menilai keberkesanan usaha pembasmian kemiskinan melibatkan beberapa pendekatan iaitu:

Indikator Sosioekonomi

1. Pendapatan isi rumah - Mengikut perubahan pendapatan isi rumah;
2. Kadar kemiskinan - Memantau Peratusan penduduk yang hidup di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK);
3. Kadar pengangguran - Menilai akses kepada ruang pekerjaan yang berpendapatan mencukupi; dan
4. Akses kepada pendidikan dan kesihatan - Mengukur peningkatan dalam tahap pendidikan dan kesihatan dalam kalangan Komuniti Miskin.

Penilaian Impak Program

Melalui proses bancian di lapangan dengan berinteraksi dengan penerima manfaat serta pemantauan berterusan kepada peningkatan pendapatan Ketua Isi Rumah/Ahli

Isi Rumah. Seterusnya, penilaian akan dilakukan bagi kesesuaian program berkenaan sama ada boleh diteruskan atau tidak.

Pemantauan dan Penyelarasan melalui Mesyuarat *Focus Group* Kesejahteraan Rakyat peringkat Daerah (FGD) dan Mesyuarat *Focus Group* Kesejahteraan Rakyat peringkat Negeri (FGN)

Usaha pembasmian kemiskinan turut dilakukan menerusi Mesyuarat Jawatankuasa *Focus Group* Kesejahteraan Rakyat sama ada di peringkat negeri (FGN) mahupun di peringkat daerah (FGD) selaras dengan Arahan No.1 2023: Mekanisme Penyelarasan Pelaksanaan Pembangunan Negara. FGN yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) berfungsi dalam menyelaraskan pelaksanaan dasar, merangka strategi dan program kesejahteraan rakyat kepada kumpulan sasar di peringkat negeri. Manakala, FGD yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah berfungsi dalam melaksanakan dasar serta program kesejahteraan rakyat, menyelaraskan dan memantau perancangan dan pelaksanaan program kemiskinan di samping menyediakan profil dan maklumat kumpulan sasar di peringkat daerah. Ia juga merupakan platform yang bermanfaat dalam mengenal pasti isu dan masalah dalam penyelarasan dan pelaksanaan program atau projek kesejahteraan rakyat dan mencadangkan penyelesaiannya selaras dengan agenda nasional untuk menamatkan kemiskinan.

- (c) Pangkalan data pelaksanaan dan pemantauan pembasmian kemiskinan adalah menggunakan Bank Data Kemiskinan Nasional (eKasih) yang bercirikan *Big Data Analytic* (BDA) telah dibangunkan secara *in-house* oleh ICU JPM. BDA adalah antara kaedah penganalisan data yang sememangnya dilaksanakan dalam pembuatan dan pemantauan pelaksanaan polisi berkaitan pembasmian kemiskinan merangkumi elemen-elemen berikut:

1. Peningkatan dan Integrasi Data melalui pelbagai sumber seperti bancian penduduk, kesihatan dan pendidikan;

2. Mengenal pasti corak dalam populasi miskin seperti punca kemiskinan dan kumpulan-kumpulan yang berisiko untuk jatuh miskin; dan
3. Menganalisa pelbagai senario dasar yang boleh mempengaruhi kemiskinan supaya dapat merancang intervensi yang lebih berkesan.

Secara prinsipnya, Sistem eKasih adalah sistem bersepadu yang diwujudkan bagi membantu merancang, melaksana dan memantau program kemiskinan serta menjadi rujukan utama mengenai profil kemiskinan isi rumah negara termasuk Ketua Isi Rumah (KIR) dan Ahli Isi Rumah (AIR), maklumat pendapatan, jenis bantuan, agensi pemberi bantuan dan keberkesanan program-program bantuan yang diberikan sehingga mereka terkeluar daripada garis kemiskinan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(I)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

21. Multidimensional Poverty Index (MPI).

- (a) Sejauh manakah pendekatan ini digunakan oleh kerajaan dalam merangka dasar dan program pembasmian kemiskinan?
- (b) Bagaimanakah indikator dari MPI diintegrasikan dalam penilaian keberkesanan program bantuan kewangan, pendidikan dan kesihatan?
- (c) Bagaimanakah MPI boleh diguna pakai untuk memutuskan rantai kemiskinan antara generasi khususnya golongan muda dari keluarga miskin?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. (a) Pada masa ini, Kerajaan Negeri menggunakan pendekatan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) dalam program-program pembasmian kemiskinan negeri. Kadar PGK semasa negeri yang diguna pakai oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang (JKM) adalah RM260.00 per kapita dan akan dinaikkan selaras PGK Persekutuan menjadi RM322.00 per kapita mulai 1 Januari 2025. *Multidimensional Poverty Index* (MPI) mengambil kira aspek kemiskinan yang berbeza, bertolak daripada amalan tradisional di Malaysia iaitu mengukur kemiskinan berdasarkan ambang pendapatan yang dikenali sebagai Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). MPI menjadi pelengkap kepada PGK dalam mengenal pasti tahap

kemiskinan di negara ini. Definisi kemiskinan mengikut MPI begitu meluas merangkumi dimensi seperti pencapaian pendidikan, kesihatan dan pendapatan.

Memandangkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak menggunakan MPI buat masa ini untuk mengukur tahap kemiskinan, sebaliknya menggunakan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) seperti yang digunakan di seluruh Malaysia, maka soalan (b) dan soalan (c) adalah tidak berkaitan.

**MESYUARAT KEDUA PENGKAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(I)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

22. Keberkesanan kepimpinan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO).
- (a) Apakah mekanisme yang digunakan untuk menilai prestasi setiap EXCO dalam Kerajaan Negeri?
 - (b) Sekiranya ada, nyatakan laporan terperinci dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi setiap EXCO bagi memastikan mereka berfungsi secara efektif dan memenuhi tanggungjawab mereka.
 - (c) Apakah inisiatif kerajaan untuk memastikan Ahli EXCO berkepimpinan serta profesionalisme yang efektif?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

22. (a) Prestasi pencapaian setiap ahli EXCO adalah dinilai berdasarkan pencapaian Manifesto Perpaduan 2023 dan Inisiatif Strategik di bawah Visi Penang2030. Ia kini dipantau rapi oleh Pejabat Ketua Menteri dan juga Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) berasaskan perkembangan serta pelaksanaannya dan dibentangkan dalam Mesyuarat MMK pada setiap suku tahun.
- (b) Laporan prestasi pencapaian Manifesto Perpaduan sehingga 1 September 2024 dan Inisiatif Strategik Visi Penang2023 adalah sebagaimana di **LAMPIRAN A** dan **LAMPIRAN B**.

- (c) Selain pelaporan berkala pencapaian Manifesto Perpaduan dan Inisiatif Strategik Visi Penang2030, satu sesi *retreat* 'Penang2030 *Onboarding*' telah diadakan pada 4 & 5 November 2023 bertempat di Teluk Bahang.

Sesi yang dihadiri oleh barisan EXCO serta ahli Ex-Officio Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) tersebut bertujuan meneliti, menyemak dan juga mengatur strategi pelaksanaan aspirasi Visi Penang2030 seterusnya memastikan ahli EXCO mengekalkan tahap kepimpinan serta profesionalisme yang efektif.

RINGKASAN STATUS PENCAPAIAN MANIFESTO PERPADUAN TAHUN 2023

BIL	MANIFESTO	EXCO	STATUS PELAKSANAAN	PERINCIAN
TEMA 1: CAKNA KEBAJIKAN RAKYAT				
1.	Menubuhkan Tabung Pembangunan Sosial Negeri daripada kutipan fi kesihatan perubatan ke atas warga asing bagi memanfaatkan golongan yang memerlukan.	- YB Tuan Gooi Zi Sen - YB Puan Lim Siew Khim	Belum Dilaksanakan	Penukaran Status kepada Dalam Pelaksanaan
2.	Program Mempelai Emas RM500 secara 'one-off' untuk setiap pasangan yang mendirikan rumah tangga.	YB Puan Lim Siew Khim	Belum Dilaksanakan	
3.	Pusat Warga Emas Aktif di setiap daerah.	YB Puan Lim Siew Khim	Telah Dilaksanakan	
4.	Menyediakan bantuan RM600 setahun kepada pemandu <i>e-hailing</i> dan insurans kemalangan diri kepada penunggang <i>p-hailing</i> (motosikal), serta meneruskan bantuan RM600 setahun kepada pemandu teksi dan bas sekolah.	YB Tuan Zairil Khir Johari	Dalam Pelaksanaan	

BIL	MANIFESTO	EXCO	STATUS PELAKSANAAN	PERINCIAN
TEMA 2: SOSIOEKONOMI RAKYAT DIPERJUANGKAN				
5.	Menarik pelaburan berimpak tinggi melalui Pembangunan projek ' <i>Silicon Island</i> ' yang direka bentuk mengikut prinsip ESG dan dijangka menjana RM7 bilion kepada ekonomi tempatan pada tempoh pembinaan.	YAB Tuan Chow Kon Yeow	Dalam Pelaksanaan	
6.	Menubuhkan institusi pengajian tinggi bagi melatih 20,000 modal insan melalui program vokasional TVET.	- YB Dato' Dr. Mohamad bin Abdul Hamid - YB Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Belum Dilaksanakan	Ubahsuai manifesto kepada Melatih 20,000 modal insan melalui program vokasional TVET Penukaran Status kepada Telah Dilaksanakan
TEMA 3: SUNTIKAN PEKERJAAN BERKEMAHIRAN TINGGI				
7.	Mengembangkan Skim Mikro Kredit Harapan (RM5,000 – RM50,000) khas kepada golongan usahawan kecil.	YB Tuan Rashidi bin Zinol	Dalam Pelaksanaan	Penukaran Status kepada Telah Dilaksanakan

BIL	MANIFESTO	EXCO	STATUS PELAKSANAAN	PERINCIAN
8.	Memperkasakan ekonomi digital kreatif dengan menarik pelaburan asing ke Pulau Pinang.	YB Tuan Zairil Khir Johari	Telah Dilaksanakan	
9.	Membangunkan sektor keusahawanan digital melalui <i>Creative Digital District, ESG Incubation Hub, SME100 Digital Champion</i> dan <i>Founders' Grit Seed Programme</i> .	YB Tuan Zairil Khir Johari	Dalam Pelaksanaan	
10.	Membangunkan ' <i>Meditech City</i> ' di Batu Kawan dan projek <i>GBS By The Sea</i> (RM100 juta) sebagai usaha ke arah mencapai taraf ' <i>Global City</i> '.	YAB Tuan Chow Kon Yeow	Dalam Pelaksanaan	
TEMA 4: SYIAR ISLAM TERUS DIPERTAHANKAN BERTERASKAN KERANGKA MALAYSIA MADANI				
11.	Bantuan ' <i>one-off</i> ' RM1,000 kepada setiap jemaah haji dari golongan B40	YB Dato' Dr. Mohamad bin Abdul Hamid	Dalam Pelaksanaan	Penukaran Status kepada Telah Dilaksanakan
12.	Peruntukan RM20 juta kepada Sekolah Menengah Agama Rakyat, Sekolah Agama Bantuan Kerajaan, Sekolah Rendah Agama	YB Dato' Dr. Mohamad bin Abdul Hamid	Dalam Pelaksanaan	

BIL	MANIFESTO	EXCO	STATUS PELAKSANAAN	PERINCIAN
	Sepenuh Masa, Maahad Tahfiz, Sekolah Agama Rendah, Tadika Islam, Sekolah Pondok dan KAFA Tulen.			
13.	Mewujudkan Institusi Kajian Halal Pulau Pinang, Kampus Bandar Pintar KITAB di Batu Kawan dan Seberang Perai Utara dan sekolah menengah KAFA, Sekolah Agama Islam Tahfiz Sains.	YB Dato' Dr. Mohamad bin Abdul Hamid	Dalam Pelaksanaan	
TEMA 5: KELENGKAPAN INFRASTRUKTUR UTAMA				
14.	Memulakan pembinaan projek Transit Aliran Ringan (LRT) Pulau Pinang dan Kereta Kabel Bukit Bendera.	YB Tuan Zairil Khir Johari	Dalam Pelaksanaan	
15.	Memperuntukkan RM100 juta untuk pelaksanaan projek tebatan banjir mebabitkan lokasi-lokasi ' <i>hot spot</i> ' dikenal pasti.	YB Tuan Zairil Khir Johari	Telah Dilaksanakan	
16.	Lapan (8) projek bernilai RM1 bilion untuk meningkatkan pembekalan air terawat.	YB Tuan Zairil Khir Johari	Dalam Pelaksanaan	
17.	Memudahkan projek pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) kepada kapasiti 12 juta penumpang setahun.	YB Tuan Zairil Khir Johari	Dalam Pelaksanaan	

BIL	MANIFESTO	EXCO	STATUS PELAKSANAAN	PERINCIAN
TEMA 6: PENYEIMBANGAN PEMBANGUNAN KAWASAN LUAR BANDAR				
18.	Merangka Pelan Induk Penambahbaikan Kampung dan Luar Bandar.	• YB Tuan Rashidi bin Zinol	Belum Dilaksanakan	
19.	Membangunkan kawasan perindustrian berteknologi tinggi di Bertam, Seberang Perai Utara.	• YB Tuan H'ng Mooi Lye	Dalam Pelaksanaan	
20.	Membangunkan infrastruktur telekomunikasi di kawasan luar bandar.	• YB Tuan Zairil Khir Johari	Dalam Pelaksanaan	
TEMA 7: PERCAMBAHAN MODAL INSAN				
21.	Memperuntukkan RM60 juta untuk sekolah bantuan menjelang tahun 2030.	• YAB Tuan Chow Kon Yeow	Telah Dilaksanakan	
22.	Penyaluran bantuan kewangan dan biasiswa kepada pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta (IPTA dan IPTS).	• YB Dato' Dr. Mohamad bin Abdul Hamid	Telah Dilaksanakan	
23.	Tuisyen percuma kepada 1,500 pelajar setiap tahun dengan tertumpu kepada golongan B40.	• YB Dato' Dr. Mohamad bin Abdul Hamid	Telah Dilaksanakan	

BIL	MANIFESTO	EXCO	STATUS PELAKSANAAN	PERINCIAN
24.	Sumbangan komputer riba percuma kepada pelajar dari golongan B40 yang memperoleh tawaran ke IPTA	YB Dato' Dr. Mohamad bin Abdul Hamid	Dalam Pelaksanaan	
TEMA 8: PERUMAHAN UNTUK SEMUA				
25.	Mencapai 220,000-unit perumahan mampu milik yang mana sehingga 100,000-unit akan ditawarkan melalui skim 'Rumah Mampu Milik B40' pada harga RM100,000 hingga RM150,000 serta 22,000-unit sewa beli menjelang 2030.	YB Dato' Seri Sundarajoo A/L Somu	Dalam Pelaksanaan	
26.	Menyediakan Projek Pembangunan Semula Bandar bagi memanfaatkan 3,000 keluarga.	YB Dato' Seri Sundarajoo A/L Somu	Dalam Pelaksanaan	Penukaran Status kepada Telah Dilaksanakan
27.	Membantu pemilik rumah awam dan swasta menerusi Skim Tabung Penyelenggaraan Maksimum 80 Peratus Pulau Pinang (TPM80PP)	YB Dato' Seri Sundarajoo A/L Somu	Telah Dilaksanakan	
TEMA 9: MEMPERKASAKAN GOLONGAN WANITA DAN BELIA				
28.	Penyediaan peruntukan tahunan RM3.5 juta untuk pelaksanaan program Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga serta Jawatankuasa Belia Pulau Pinang.	- YB Tuan Gooi Zi Sen - YB Puan Lim Siew Khim	Telah Dilaksanakan	

BIL	MANIFESTO	EXCO	STATUS PELAKSANAAN	PERINCIAN
29.	Memperkenalkan Skim Perumahan Sewa Khas bagi golongan belia atau bujang.	- YB Dato' Seri Sundarajoo A/L Somu - YB Tuan Gooi Zi Sen	Belum Dilaksanakan	
30.	Mewujudkan Akademi <i>e-Sports</i> di setiap daerah manakala Gimnasium Rakyat dan Pusat Belia di setiap KADUN.	YB Tuan Gooi Zi Sen	Dalam Pelaksanaan	
TEMA 10: KETERJAMINAN RANTAIAN MAKANAN				
31.	Bantuan bayaran sara hidup kepada pesawah serta pekebun sayur dan bantuan pukut kepada golongan nelayan.	YB Tuan Fahmi bin Zainol	Dalam Pelaksanaan	
32.	Mempelbagaikan pendapatan golongan petani dan nelayan menerusi agrikultur moden, padi berhasil tinggi, pelancongan agro, pelancongan sungai dan aktiviti promosi berkaitan.	- YB Tuan Fahmi bin Zainol - YB Tuan Wong Hon Wai	Dalam Pelaksanaan	
33.	Mewujudkan zon akuakultur baharu bagi menggalakkan penternakan kerang, ikan, ketam nipah dan tiram.	YB Tuan Fahmi bin Zainol	Telah Dilaksanakan	

BIL	MANIFESTO	EXCO	STATUS PELAKSANAAN	PERINCIAN
TEMA 11: PEMANTAPAN SEKTOR PELANCONGAN DAN PERKHIDMATAN				
34.	Merancakkan penganjuran program ekonomi kreatif menerusi pameran dan seni persembahan.	• YB Tuan Wong Hon Wai	Telah Dilaksanakan	
35.	Penambahan penganjuran acara sambutan perayaan atau festival peringkat antarabangsa dan juga meningkatkan aktiviti acara berbentuk perniagaan (MICE).	• YB Tuan Wong Hon Wai	Telah Dilaksanakan	
36.	Menarik hotel-hotel baharu dan menambah laluan penerbangan secara terus ke Pulau Pinang.	• YB Tuan Wong Hon Wai	Telah Dilaksanakan	
TEMA 12: INISIATIF PENYURAIAN TRAFIK				
37.	Menyediakan subsidi pengangkutan awam baharu kepada rakyat Malaysia.	• YB Tuan Zairil Khir Johari	Dalam Pelaksanaan	
38.	Membina Jalan Berkembar Tanjung Bungah – Teluk Bahang, Persimpangan Berlian Mencapah (<i>Diverging Diamond Interchange</i>) di Persimpangan Juru, dan Jalan Pintasan Sungai	• YB Tuan Zairil Khir Johari	Dalam Pelaksanaan	

BIL	MANIFESTO	EXCO	STATUS PELAKSANAAN	PERINCIAN
	Bakap, serta menyiapkan pembinaan Jalan Pintasan Ayer Itam sehingga ke Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu.			
39.	Meneruskan usaha bagi memperoleh kelulusan Kerajaan Persekutuan berhubung pembinaan Projek Lebuhraya Bertingkat Juru – Sungai Dua serta menaik taraf Jalan Persekutuan FT006 dari Bayan Lepas Teluk Kumbar.	YB Tuan Zairil Khir Johari	Dalam Pelaksanaan	
TEMA 13: KEHARMONIAN MASYARAKAT MAJMUK				
40.	Memperuntukkan RM10 juta untuk keperluan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) sehingga tahun 2028.	YB Puan Lim Siew Khim	Dalam Pelaksanaan	
41.	Memperbanyakkan sesi perbincangan atau ' <i>engagement</i> ' berhubung pelaksanaan Sistem e-RIBI bagi permohonan secara dalam talian.	YB Puan Lim Siew Khim	Dalam Pelaksanaan	

BIL	MANIFESTO	EXCO	STATUS PELAKSANAAN	PERINCIAN
42.	Menyediakan pusat upacara <i>kirigai</i> di setiap daerah serta membina sekolah Tamil baru (ke-29) di Pulau Pinang.	YB Dato' Seri Sundarajoo A/L Somu	Belum Dilaksanakan	
TEMA 14: DEMOKRASI DIPERTAHANKAN				
43.	Melaksanakan dasar libat urus dan pendigitalan perkhidmatan kerajaan untuk meningkatkan ketelusan dan kecekapan.	YB Tuan Zairil Khir Johari	Telah Dilaksanakan	
44.	Mengguna pakai sistem <i>Digital Integrated Service Centre</i> (DISC) untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan di pusat-pusat KADUN Kerajaan Negeri.	YB Tuan Zairil Khir Johari	Telah Dilaksanakan	
45.	Memperuntukkan RM2 juta setahun sebagai geran kepada badan-badan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).	YB Dato' Dr. Mohamad bin Abdul Hamid	Dalam Pelaksanaan	Penukaran Status kepada Telah Dilaksanakan
TEMA 15: HAK PULAU PINANG				
46.	Menuntut Kerajaan Persekutuan untuk menyalurkan peruntukan pembangunan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.	YAB Tuan Chow Kon Yeow	Dalam Pelaksanaan	

BIL	MANIFESTO	EXCO	STATUS PELAKSANAAN	PERINCIAN
47.	Mempertahankan hak riparian negeri dan melaksanakan Projek Air Perak - Pulau Pinang sebagai jaminan bekalan air Pulau Pinang.	YAB Tuan Chow Kon Yeow	Dalam Pelaksanaan	
TEMA 16: PERSEKITARAN BERDAYA TAHAN TERHADAP PERUBAHAN IKLIM				
48.	Meningkatkan daya huni dengan mempelbagaikan kemudahan tapak rekreasi dan fasiliti sukan.	YB Tuan Gooi Zi Sen	Telah Dilaksanakan	
49.	Melaksanakan perancangan strategik selaras dengan perubahan iklim seperti tebatan banjir, pelan penyesuaian iklim dan lingkaran kawasan hijau, <i>Penang Green Connectors</i> .	YB Tuan H'ng Mooi Lye	Dalam Pelaksanaan	
50.	Membangunkan projek <i>Penang Bay</i> di bahagian pulau dan juga Seberang Perai dengan capaian kriteria <i>Sustainable Development Goals</i> (SDGs).	YB Tuan H'ng Mooi Lye	Belum Dilaksanakan	Penukaran Status kepada Dalam Pelaksanaan

RINGKASAN MAKLUM BALAS MANIFESTO PERPADUAN TAHUN 2023

PERKARA	10 JANUARI 2024		1 September 2024	
STATUS	JUMLAH	PERATUS	JUMLAH	PERATUS
BELUM DILAKSANAKAN	16	32%	7	14%
DALAM PELAKSANAAN	25	50%	28	56%
TELAH DILAKSANAKAN	9	18%	15	30%
JUMLAH KESELURUHAN	50	100%	50	100%

NOTA:

1. Manifesto Kerajaan Perpaduan Tahun 2023 terdiri daripada 16 Tema dan mengandungi 50 inisiatif/ manifesto.
2. Maklum balas Manifesto Kerajaan Perpaduan Tahun 2023 dikemas kini oleh semua bahagian di bawah Sektor Pembangunan dan Bahagian Khidmat Pengurusan bagi perkara bil. 22.
3. Kemas kini sehingga 1 September 2024.

PENCAPAIAN SASARAN VISI PENANG2030 SEHINGGA 11 NOVEMBER 2024

1 Status Pencapaian Sasaran Inisiatif Strategik

Pencapaian Keseluruhan

Jumlah Projek	:	373
Jumlah Sasaran	:	62
Jumlah Peratusan	:	73%

TEMA A : Meningkatkan Daya Huni Bagi Menambah Baik Kualiti Kehidupan
CHAMPION EXCO : YB Dato' Seri Sundarajoo AL Somu

A1 - Menangani Isu Kepampuan Dan Kepelbagaian Perumahan

A1T1 Pembekalan 220,000 unit Rumah Mampu Milik



A1T2 3,000 keluarga mendapat faedah daripada kewujudan skim perumahan urban



A1T3 Pembekalan 22,000 unit sewa beli



A2 - Meningkatkan Keselamatan Dan Kebersihan Awam Secara Berterusan

CHAMPION EXCO : YB Jason H'ng Mooi Lye


A2T1 Pembinaan Tapak Pemindahan Sisa Pepejal Ampang Jajar untuk rawatan sisa organik



A2T2 70% Kadar Kitar Semula di Negeri Pulau Pinang



A2T3 33 stesen kualiti marin yang dinilai baik menjelang 2030



A2T4 Pemasangan 5000 Unit CCTV di seluruh Negeri Pulau Pinang menjelang tahun 2030



A3 - Meningkatkan Sistem Kebajikan dan Penjagaan

CHAMPION EXCO : YB Lim Siew Khim

A3T1 400 program dan aktiviti sosial yang melibatkan warga emas ke arah kehidupan yang sihat menjelang tahun 2030



A3T2 100 orang gelandangan produktif mampu mencapai kemahiran diri (self independence) melalui program di Pusat Transit Gelandangan di Jalan C.Y.Choy menjelang tahun 2030



A3T3 2,150,000 kilogram/2,150 tan lebih makanan (surplus food) yang berkualiti diselamatkan dan diedarkan kepada individu yang memerlukan menjelang 2030



A4 - Mempelbagaikan Kemudahan Rekreasi, Sukan, Seni dan Budaya **CHAMPION EXCO : YB Daniel Gooi Zi Sen**

A4T1 10 buah fasiliti sukan & rekreasi yang baharu dibina secara tahunan



A4T2 Peningkatan 50% kadar aktiviti sukan dan rekreasi penduduk Negeri Pulau Pinang



A4T3 Peningkatan Berganda dalam produksi seni/budaya yang berasaskan komuniti



TEMA B : Menaik Taraf Ekonomi Bagi Meningkatkan Pendapatan Isi Rumah

B1 - Memajukan Ketersediaan Industri Pembuatan Tempatan Untuk Era Digital dan Ekonomi Hijau

CHAMPION EXCO : YAB Chow Kon Yeow

B1T1 1,000 PKS menyertai program peningkatan kapasiti untuk beralih ke Industri 4.0



B1T2 20,000 peserta bagi penyediaan bakat didalam latihan STEM/TVET untuk memenuhi permintaan industri



B1T3 Mewujudkan 150,000 peluang pekerjaan dari sektor pembuatan pada tahun 2030



B1T4 Pengurangan sebanyak 10% bagi intensiti penggunaan elektrik (penggunaan seunit KDNK) dalam sektor pembuatan di Pulau Pinang menjelang 2030



B1T5 Pengurangan sebanyak 10% bagi intensiti penggunaan air (penggunaan seunit KDNK) dalam sektor pembuatan di Pulau Pinang menjelang 2030




B1T6 Pengurangan sebanyak 20% sisa industri (tidak berjadual) di Pulau Pinang yang dihantar ke tapak pelupusan



B2 - Memodenkan dan Mempelbagaikan Pertanian Lestari **CHAMPION EXCO : YB Fahmi Bin Zainol**

B2T1 Peningkatan 20% dalam produktiviti pertanian menjelang 2030



B2T2 Penubuhan sebanyak 100 buah kebun komuniti atau kebun dalam bandar menjelang 2030



B2T3 Pelaksanaan penternakan moden menggunakan kandang tertutup (ternakan babi dan unggas) bagi meminimumkan kesan alam sekitar akibat pengeluaran sisa ternakan



B2T4 Peningkatan hasil laut yang dikeluarkan melalui pelaksanaan Projek Kebun Kerang Pulau Pinang dan pemodenan nelayan



B3 - Mencipta Pelbagai Produk Pelancongan Yang Berkualiti Di Seluruh Pulau dan Seberang **CHAMPION EXCO : YB Wong Hon Wai**

B3T1 Menggandakan purata perbelanjaan pelancongan menjelang 2030



B3T2 5 produk destinasi antarabangsa baharu yang bernilai tinggi menjelang 2030



B3T3 Menggandakan tahap kepuasan pelancong melalui kajian kepuasan pelancong menjelang 2030



B4 - Membina Ekosistem Yang Memupuk Industri Kreatif Dan Perkhidmatan Perniagaan Khusus **CHAMPION EXCO : YB Dato' Hj Rashidi Bin Zinol**

B4T1 Mewujudkan 100,000 SME di Pulau Pinang menjelang 2030



B4T2 Mewujudkan 200 syarikat perniagaan sosial menjelang 2030

15%

B4T3 Pendaftaran 500 harta intelek menjelang 2030

20.60%

B4T4 500 syarikat pemula (start-up) terus beroperasi selama 3 tahun menjelang 2030

33.80%

B4T5 Penyediaan infrastruktur dan fasiliti lengkap yang merancakkan pembangunan keusahawanan dengan sasaran 200 ruang perniagaan disediakan Kerajaan Negeri menjelang 2030

100%

TEMA C : Memperkasa Rakyat Bagi Meningkatkan Penyertaan Awam

C1 - Membantu Komuniti Yang Rentan dan Mengurangkan Ketaksamaan

CHAMPION EXCO : YB Dato' Dr. Mohamad Bin Abdul Hamid

C1T1 Meningkatkan pendapatan golongan B40 sebanyak 5% sehingga 2030

100%

C1T2 Mengurangkan Separuh jumlah penduduk yang bergantung pada bantuan kebajikan kerajaan(kewangan) menjelang 2030

100%

C1T3 Peningkatan 30% dalam perbelanjaan berulang dan modal kerajaan kepada sektor yang memberikan manfaat kepada golongan miskin dan rentan melalui program latihan semula menjelang 2030

100%

C2 - Meningkatkan penyertaan Belia, Wanita Dan Warga Emas Dalam Kehidupan Masyarakat

CHAMPION EXCO : YB Lim Siew Khim

C2T1 20,000 sukarelawan belia, wanita dan warga emas menjelang 2030

60.03%

C2T2 40% penyertaan wanita dan belia dalam bidang keusahwanan menjelang 2030

100%

C2T3 Melatih dan membina kapasiti 2,000 pemimpin wanita dan belia setiap tahun menjelang 2030

55.05%

C2T4 1,000 penyertaan warga emas dalam penuaan aktif setiap tahun menjelang 2030



C3 - Mewujudkan Lebih Banyak Platform Untuk Penglibatan Orang Ramai Dalam Pembangunan Sosial

CHAMPION EXCO : YB Jagdeep Singh Deo

C3T1 2,000 pemimpin belia dan wanita yang menyertai program setiap tahun menjelang 2030



C3T2 Peningkatan 50% penglibatan komuniti dalam program kemasyarakatan melalui kolompok bersasar secara atas talian dan fizikal menjelang 2030



C3T3 Sekurang-kurangnya mencapai 50% tahap kebahagiaan penduduk di kawasan sasaran selepas pelaksanaan program/projek



C4 - Mempercepatkan Penyampaian Program Dan Pembaharuan Institusi

CHAMPION EXCO : YAB Chow Kon Yeow

C4T1 5 Dasar dan Garis Panduan disemak setiap tahun sehingga 2030



C4T2 Pencapaian status cemerlang/pensijilan dan penganugerahan dalam kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan awam setiap tahun




C4T3 90% peruntukan tahunan dibelanjakan sepenuhnya setiap tahun



C4T4 80% daripada 1783 sistem perkhidmatan kerajaan negeri dalam talian dari peringkat awal ke akhir (end-to-end) menjelang tahun 2025



C4T5 100% jabatan / agensi Kerajaan Negeri menerima 50% hasil melalui pembayaran tanpa tunai pada tahun 2025



C4T6 177 set data dikemaskini merentas jabatan / agensi negeri sehingga tahun 2030



TEMA D : Melabur Dalam Persekitaran Terbina Bagi Menambah Baik Daya Pemulihan


D1 - Mengimbangi Pembangunan Melalui Perancangan Ruang Yang Berkesan

CHAMPION EXCO : YB Jason H'ng Mooi Lye

D1T1 Mewujudkan 10 Projek Pembangunan Yang Berteraskan Kelestarian Dan Kedayahunian Bagi Rakyat Pulau Pinang



D1T2 10 program pemulihan pusat kejranaan pinggir bandar menjelang 2030




D1T3 Meningkatkan purata kelajuan perjalanan dalam negeri Pulau Pinang kepada 27 km/j menjelang 2030



D2 - Mengukuhkan Mobiliti, Hubungan dan Infrastruktur Digital

CHAMPION EXCO : YB Zairil Khir Johari

D2T1 500 tempat pengecasan kenderaan elektrik di Pulau Pinang by 2030



D2T2 Peningkatan 50% perjalanan menggunakan pengangkutan awam menjelang 2030



D2T3 100% ketersediaan kelajuan Gigabit di kawasan berkependudukan di Negeri Pulau Pinang menjelang 2030



D3 - Mengintegrasikan Perkhidmatan Perbandaran Dengan Teknologi Pintar

CHAMPION EXCO : YB Jason H'ng Mooi Lye

D3T1 100% Penyampaian perkhidmatan jabatan di PBT menggunakan teknologi pintar menjelang 2030



D3T2 100% bangunan milik PBT mempunyai elemen hijau dan pintar menjelang 2030



D3T3 100% pembangunan baharu menggunakan teknologi bandar pintar menjelang 2030



D4 - Melaksanakan Rancangan Penyesuaian Perubahan Iklim

CHAMPION EXCO : YB Dato' Seri Sundarajoo AL Somu

D4T1 Memastikan penggunaan Sijil Penarafan Tambahan bagi Bangunan Hijau untuk Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi semua pembangunan baharu mulai 2022



D4T2 30% bahan pembinaan infrastruktur dikitar semula menjelang 2030



D4T3 80% daripada semua kategori hotel di Pulau Pinang mempraktikkan konsep hijau



D4T4 20% pengurangan penggunaan air domestik per kapita sehari menjelang 2030



D4T5 100% lampu jalan LED tanpa fungsi tiang pintar menjelang 2030



D4T6 200,000 tambahan pokok ditanam di Pulau Pinang



**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(I)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

23. Berita palsu.

- (a) Senaraikan berita-berita palsu yang tersebar di Pulau Pinang sejak tahun 2020 yang menyebabkan kekeliruan dalam kalangan rakyat.
- (b) Berapakah jumlah kes yang telah dikenakan tindakan undang-undang termasuk ditangkap, disiasat dan dituduh ke mahkamah?
- (c) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk memudahkan orang awam melaporkan berita palsu?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

23. (a) Berdasarkan input yang diterima daripada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), berita palsu yang pernah tersebar dan menimbulkan kekeliruan kepada rakyat sejak tahun 2020 dan tular melalui medium *Whatsapp*, *Telegram* dan lain-lain adalah seperti berikut:
- (i) Penjenayah melarikan diri dari pihak PDRM dan Jabatan Imigresen Malaysia;
 - (ii) Ancaman keselamatan dan ketenteraman awam yang melibatkan ancaman bom di sekolah; dan
 - (iii) Penularan berita palsu Covid-19 di beberapa lokasi di Pulau Pinang.

- (b) Sebanyak 105 laporan telah diterima oleh pihak PDRM Pulau Pinang di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan Seksyen 505 (b) Akta Kanun Keseksaan atau lain lain undang-undang yang relevan.
- (c) Pihak PDRM sentiasa memantau berita palsu dan juga membuat siasatan melalui Maklumat Pertama Polis dan bersedia untuk menerima laporan dari orang awam mengenai apa jua maklumat berita palsu. Orang awam boleh hadir ke balai polis untuk membuat laporan supaya berita palsu itu dapat diselidik dan disiasat dengan bantuan pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(I)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

24. Penggubalan dasar berorientasikan masa depan.

- (a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri mengintegrasikan kemajuan teknologi seperti digitalisasi dan kecerdasan buatan (AI) dalam penggubalan dasar?
- (b) Apakah mekanisme yang disediakan untuk menilai kejayaan atau kelemahan dasar dari semasa ke semasa?
- (c) Bagaimanakah kerajaan melibatkan rakyat dalam perbincangan membuat keputusan tentang masa depan Pulau Pinang?

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyambut baik segala usaha dan inisiatif dalam menyokong era kemajuan teknologi terkini seperti digitalisasi dan kecerdasan buatan (AI) yang mana mampu digunapakai dalam hal-hal pentadbiran seperti penggubalan dasar dengan beberapa pendekatan strategik. Kerajaan Negeri berusaha untuk memperkenalkan platform digital bagi meningkatkan kecekapan pentadbiran dan menyediakan perkhidmatan yang lebih produktif dan efisien. Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga memberi tumpuan untuk memperkukuh infrastruktur digital di seluruh negeri, termasuk memperluaskan akses internet berkelajuan tinggi bagi memastikan teknologi dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat. Selain itu, penggunaan AI juga boleh diadaptasi dalam menganalisis data besar (Big Data Analytic) yang

dikumpulkan daripada pelbagai sumber, termasuk data ekonomi, sosial, dan alam sekitar. Dengan menganalisis data tersebut, Kerajaan Negeri dapat membuat keputusan yang lebih tepat dan berasaskan bukti. Dalam menuju ke arah ini, Kerajaan Negeri semestinya akan bekerjasama dan melibatkan sektor swasta dan universiti tempatan dalam membangunkan penyelesaian teknologi baharu yang dapat disesuaikan dengan keperluan semasa. Inisiatif seperti inkubator dan pusat penyelidikan di universiti boleh membantu dalam memperkenalkan teknologi baharu yang lebih relevan terhadap dasar yang digubal.

- (b) Untuk menilai kejayaan atau kelemahan dasar, Kerajaan Negeri mengguna pakai mekanisme yang melibatkan data dan penyertaan pihak berkepentingan. Kerajaan Negeri melaksanakan penilaian dan audit berkala terhadap dasar-dasar yang dilaksanakan. Sebagai contoh, kajian impak (impact assessments) dilaksanakan untuk menilai kesan dasar terhadap ekonomi, sosial, dan alam sekitar. Penetapan Indeks Prestasi Utama (KPI) dan sistem pemantauan tertentu bagi setiap dasar yang dilaksanakan membolehkan penilaian prestasi dibuat. Kerajaan Negeri juga memantau pencapaian ini dan membuat penyesuaian berdasarkan hasil yang dicapai. Kerajaan Negeri juga menggunakan mekanisme pengumpulan maklum balas seperti kaji selidik, forum atau platform digital untuk mendapatkan input daripada orang awam. Ini membantu dalam menilai sama ada dasar tersebut memenuhi keperluan dan harapan masyarakat. Dengan adanya data yang diperolehi melalui pemantauan dan maklum balas ini, dasar yang tidak efektif dapat diubah suai atau diperbaiki dari semasa ke semasa. Ini membolehkan Kerajaan Negeri membuat keputusan yang lebih fleksibel dan responsif terhadap perubahan keadaan.
- (c) Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyedari kepentingan melibatkan orang awam dalam proses pembuatan dasar terutamanya dalam hal-hal yang memberi kesan langsung kepada kehidupan mereka. Beberapa pendekatan yang digunakan antaranya adalah mengadakan forum awam dan dialog terbuka sebagai platform interaksi antara Kerajaan Negeri dengan penduduk setempat sekali gus memperoleh pandangan mereka tentang dasar atau projek yang akan atau sedang dilaksanakan. Selain itu, seiring dengan kemajuan

teknologi, Kerajaan Negeri memanfaatkan media sosial dan aplikasi digital untuk berkomunikasi secara langsung dan mendapatkan input daripada orang awam. Tambahan lagi, menjadi kelaziman Kerajaan Negeri menetapkan segala proses perancangan pembangunan perlu melibatkan perbincangan awam. Proses ini membolehkan rakyat memberi pandangan tentang hala tuju pembangunan kawasan atau projek besar yang dirancang. Kerajaan Negeri juga mengadakan kajian kes atau penyelidikan bersama-sama orang awam atau komuniti untuk mendapatkan maklumat yang lebih mendalam. Misalnya, melalui tinjauan umum atau kumpulan fokus yang melibatkan pelbagai lapisan masyarakat.

Dengan melibatkan rakyat dalam proses penggubalan dasar, Kerajaan Negeri dapat memastikan dasar yang digubal adalah relevan dengan keperluan semasa. Secara keseluruhannya, dengan integrasi teknologi yang semakin pesat dan penglibatan aktif rakyat, dasar yang digubal oleh Kerajaan Negeri adalah lebih berkesan dan relevan dengan cabaran masa depan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(I)25

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

25. Pembangunan tidak terkawal di kampung.

- (a) Apakah pelan kerajaan bagi memastikan pembangunan di kampung dijalankan secara terkawal dan terancang serta berdaya tahan?
- (b) Apakah tindakan yang diambil terhadap projek pembangunan yang tidak mematuhi peraturan?
- (c) Apakah bantuan yang disediakan untuk membina rumah di kampung bagi ketahanan terhadap perubahan iklim?

**YB DATO' RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

25. (a) Pembangunan di kampung boleh dilaksanakan secara terkawal dan terancang dengan penyediaan rancangan pemajuan seperti Rancangan Tempatan/Rancangan Kawasan Khas dengan mengambilkira aspek risiko bencana, kesesuaian dan rupa bentuk kawasan bagi menjamin kelestarian alam sekitar serta kelangsungan sosio-ekonomi penduduk.

Sehubungan dengan itu, Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP) 2030 telah menetapkan hala tuju dan strategi untuk memastikan perancangan serta pembangunan kampung-kampung yang lebih baik. Antara langkah pelaksanaan yang dinyatakan di bawah Dasar Khusus adalah seperti berikut:

- (i) DK 6.2.1 Merancang dan Membangunkan Guna Tanah Kampung Secara Holistik;
- (ii) DK 6.2.2 Memelihara dan Memulihara Keserasian Identiti dan Karektor Kampung Dengan Persekitaran Terutamanya Kampung Berciri Warisan; dan
- (iii) DK 6.2.3 Menggalakkan Aktiviti Ekonomi Untuk Menyokong Industri Pelancongan Desa.

Tambahan lagi, Rancangan Tempatan Daerah (RTD) juga menyediakan perincian perancangan guna tanah dan pembangunan bagi setiap daerah termasuk kawasan kampung. Ia memastikan pembangunan dijalankan mengikut garis panduan yang ditetapkan selaras dengan keperluan tempatan.

- (b) Projek-projek pembangunan yang melanggar Seksyen 27 (Pemajuan Tanpa Kebenaran Merancang), 28 (Pemajuan Berlawanan dengan Kebenaran Merancang yang diberikan), atau 29 (pemajuan yang tidak selaras dengan Kebenaran Merancang atau kelulusan Pelan Bangunan yang diubah suai), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM100,000.00, atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya dengan denda tambahan sehingga RM5,000.00 bagi setiap hari pemajuan dijalankan selepas sabitan kesalahan yang pertama.

Selain itu, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) juga boleh menggantung atau membatalkan lesen kontraktor yang tidak mematuhi peraturan termasuklah kegagalan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) keselamatan yang ditetapkan.

- (c) Dalam usaha menyokong pembinaan rumah di kampung bagi ketahanan terhadap perubahan iklim, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah melaksanakan inisiatif berikut:
 - (i) Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) menyediakan bantuan untuk membina rumah kampung melalui pengemukaan Pelan Komuniti di

mana pemohon tidak perlu mengemukakan Permohonan Kebenaran Merancang dan pengecualian bayaran sumbangan untuk mendirikan sebuah rumah di kawasan kampung dengan keluasan tidak melebihi 1,500 kaki persegi dengan syarat-syarat tertentu. Antara inisiatif utama dalam pelan komuniti ini adalah berkaitan dengan ketahanan terhadap perubahan iklim, termasuk penyediaan sistem perparitan yang teratur, pembinaan di atas tanah berkecerunan tidak melebihi 25 darjah dan pematuhan terhadap Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1986; dan

- (ii) MBSP telah menyediakan Pelan Setara Rumah Sesebuah Setingkat MBSP yang diperkenalkan bermula Ogos 2017. Sebanyak empat (4) rekabentuk telah disediakan bagi pilihan kepada penduduk mengikut kesesuaian tapak serta kos penduduk. Rekabentuk yang disediakan tersebut adalah bersesuaian dengan keadaan persekitaran dan iklim di kawasan Seberang Perai.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(I)26

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

26. Impak boikot.

- (a) Senaraikan jumlah pekerja yang telah diberhentikan atau terkesan akibat boikot di Pulau Pinang mengikut Starbucks, McDonald's dan Kentucky Fried Chicken (KFC).
- (b) Senaraikan *outlet food and beverage* (F&B) tersebut mengikut lokasi serta berapa pekerja yang terkesan.
- (c) Bagaimanakah kerajaan memantau situasi ini bagi memastikan pekerja yang terkesan mendapat bantuan sewajarnya?

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. (a) Kesan boikot terhadap syarikat-syarikat besar seperti Starbucks, McDonald's dan Kentucky Fried Chicken (KFC) boleh memberi kesan kepada pekerja, terutamanya dalam industri *food and beverage* (F&B). Walaupun data terperinci mungkin tidak tersedia, Kerajaan Negeri melalui agensi-agensi berkenaan mempunyai mekanisme tertentu untuk membantu pekerja yang terkesan, termasuk melalui bantuan kewangan, latihan kemahiran, dan pemantauan aktiviti ekonomi di peringkat negeri. Berdasarkan sumber daripada Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM), tiada sebarang rekod pemberhentian pekerja yang khusus disebabkan oleh boikot yang sedang digerakkan kini.

- (b) Gerakan boikot terhadap syarikat-syarikat besar ini boleh mempengaruhi jumlah pelanggan dan sekali gus memberi kesan kepada hasil sesebuah syarikat. Namun begitu, keadaan untung dan rugi perniagaan syarikat-syarikat besar seperti ini adalah subjektif dan disebabkan oleh banyak faktor.
- (c) Kerajaan Negeri melalui agensi berkaitan seperti JTKSM sentiasa memantau tindakan pemberhentian oleh majikan serta bersedia untuk membantu pekerja mendapatkan hak-hak mereka mengikut peruntukan undang-undang di bawah Akta Kerja 1955. Majikan yang melaksanakan pemberhentian pekerja adalah bertanggungjawab untuk mengemukakan laporan pemberhentian melalui Borang PK dalam tempoh sekurang-kurangnya 30 hari daripada tarikh pemberhentian dan mematuhi peruntukan Akta Kerja 1955 atau Perjanjian Bersama (*Collective Agreement*) berhubung bayaran pampasan pemberhentian pekerja. Di bawah Akta Kerja 1955, pekerja adalah layak menerima faedah-faedah statutori seperti gaji ganti notis, faedah penamatan kerja, bayaran baki cuti tahunan dan baki gaji (sekiranya ada). Mana-mana majikan yang gagal melaporkan pemberhentian pekerja kepada JTKSM sepertimana Pemberitahuan Pemberhentian Kerja 2004 (Borang PK) adalah melakukan satu kesalahan mengikut seksyen 63 Akta Kerja 1955, dan jika disabit kesalahan boleh didenda tidak lebih dari RM50,000 untuk setiap kesalahan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(I)27

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

27. Senaraikan bilangan kes bunuh diri atau cubaan membunuh diri di Jambatan Pulau Pinang sejak tahun 2020 mengikut bulan.
- (a) Terangkan inisiatif dan langkah mencegah cubaan bunuh diri seperti memasang penghadang keselamatan dilakukan oleh Kerajaan Negeri.
- (b) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam mempromosikan kesedaran terhadap kesihatan mental sebagai langkah intervensi awal?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

27. Berdasarkan rekod pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), bagi tahun 2020 sehingga tahun 2023, sebanyak 23 kes cubaan bunuh diri dengan cara terjun atau cuba terjun di Jambatan Pulau Pinang dan Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (Jambatan Kedua). Mulai tahun 2024, tiada kertas siasatan dibuka setelah Kabinet memutuskan bahawa seksyen kesalahan cubaan bunuh diri di bawah Seksyen 309 Kanun Keseksaan dimansuhkan. Statistik kes cuba diri di bawah Seksyen 309 Kanun Keseksaan mengikut bulan bagi tahun 2020 sehingga 2023 adalah seperti di jadual berikut:

**Bilangan Kes Cuba Bunuh Diri Di Jambatan Pertama dan
Jambatan Kedua Bagi Tahun 2020 Sehingga 2023
Di Bawah Seksyen 309 Kanun Keseksaan**

BULAN	JAMBATAN PERTAMA				JAMBATAN KEDUA				JUMLAH
	TAHUN				TAHUN				
	2020	2021	2022	2023	2020	2021	2022	2023	
Januari	-	-	-	1	-	-	-	-	1
Februari	-	-	-	1	-	-	-	-	1
Mac	-	2	1	1	-	-	-	-	4
April	-	1	-	-	-	-	-	-	1
Mei	1	1	2	-	-	-	-	-	4
Jun	-	-	1	-	-	-	-	-	1
Julai	1	-	1	-	-	-	-	-	2
Ogos	-	-	2	1	-	-	-	-	3
September	-	-	2	-	-	-	1	-	3
Oktober	-	-	1	-	-	-	-	-	1
November	-	1	-	-	-	-	-	-	1
Disember	-	1	-	-	-	-	-	-	1
JUMLAH	2	6	10	4	0	0	1	0	23

- (a) Kerajaan Negeri bersama pelbagai agensi berkaitan sentiasa berusaha bagi memastikan tiada kes bunuh diri berlaku di Pulau Pinang khususnya di Jambatan Pulau Pinang atau Jambatan Kedua. Sebagai langkah menangani peningkatan kes ini, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang mencadangkan pemasangan penghadang keselamatan di Jambatan Pulau Pinang semasa mesyuarat khas yang dipengerusikan oleh YB EXCO Kesihatan. Namun, pendekatan yang akan diambil pada masa sekarang adalah kepada peningkatan kesedaran masyarakat terhadap kesihatan mental dan pencegahan cubaan bunuh diri. Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan (*NCEMH*) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga telah

menganjurkan satu bengkel *National Suicide Negotiation Skills Training For Crisis Intervention Officers* pada bulan Oktober 2024 kepada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

- (b) KKM juga telah mengambil pelbagai inisiatif dan langkah untuk mencegah cubaan bunuh diri, termasuk pendekatan pencegahan, intervensi awal serta usaha peningkatan kesedaran masyarakat terhadap kesihatan mental. Beberapa langkah utama yang sering diterapkan adalah seperti berikut:
 - (i) KKM menganjurkan program pendidikan dan kesedaran kesihatan mental yang menyasarkan masyarakat umum bertujuan mengurangkan stigma terhadap isu kesihatan mental dan menggalakkan orang ramai mendapatkan bantuan. Program *Let's Talk* Minda Sihat yang telah dilancarkan pada tahun 2017 diteruskan sehingga kini. Program ini menggalakkan golongan remaja dan pekerja agar prihatin terhadap orang sekeliling mereka. Menggalakkan mereka untuk mendapatkan sokongan dan bantuan bagi mencapai kesejahteraan mental. Pada masa yang sama menggalakkan ahli keluarga dan rakan-rakan memberikan sokongan dan bantuan kepada golongan yang memerlukan untuk mencapai kesejahteraan mental;
 - (ii) Talian *HEAL* 15555 KKM juga disediakan untuk memberi *response* terhadap panggilan dan aduan krisis berkaitan kesihatan mental, tingkah laku bunuh diri, mencederakan diri atau orang lain serta panggilan tindak susul (*post-vention*) dan *follow-up* di komuniti. Perkhidmatan ini dilaksanakan oleh Pegawai Psikologi (Kaunseling) KKM kepada pemanggil yang terdiri daripada orang awam, Badan Bukan Kerajaan (NGO), bukan warganegara dan yang berkaitan;
 - (iii) KKM bekerjasama dengan agensi kerajaan lain, NGO dan komuniti tempatan untuk memperluas akses kepada sokongan kesihatan mental dan perkhidmatan intervensi. Pada tahun 2024, di bawah Kerajaan Negeri, satu Jawatankuasa Khas yang dipengerusi oleh YB EXCO Kesihatan ditubuhkan. Tujuan jawatankuasa ini adalah untuk

kolaborasi pelbagai agensi menyediakan perkhidmatan kepada masyarakat;

- (iv) Program Intervensi di hospital dan klinik melalui hospital dan klinik kesihatan, KKM menyediakan perkhidmatan psikologi dan psikiatri untuk rawatan awal dan sokongan kepada mereka yang berisiko tinggi. Selain dari perkhidmatan rawatan, Pusat Kesihatan Mental Komuniti atau MENTARI ditubuhkan untuk menyediakan perkhidmatan dan usaha gabungan profesional penjagaan kesihatan pelbagai disiplin. Pasukan rawatan di MENTARI diketuai oleh pakar psikiatri dan ahli pasukan termasuk pegawai perubatan, ahli terapi carakerja, jururawat dan pekerja sosial perubatan. Di Pulau Pinang, terdapat dua pusat MENTARI telah ditubuhkan, satu di Klinik Kesihatan Jalan Perak dan satu di Klinik Kesihatan Butterworth; dan
- (v) Latihan juga diberi kepada kakitangan barisan hadapan. KKM melatih petugas kesihatan dan kakitangan barisan hadapan untuk mengenal pasti tanda-tanda awal kemurungan dan risiko bunuh diri adalah salah satu langkah penting dalam intervensi awal. Setiap tahun, pelbagai taklimat berkenaan kesihatan mental dan pencegahan bunuh diri dianjurkan di peringkat negeri dan daerah.

Dengan langkah-langkah ini, KKM berusaha mengurangkan kadar cubaan bunuh diri dan meningkatkan kesejahteraan kesihatan mental dalam kalangan rakyat Malaysia.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(I)28

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

28. Global Ikhwan Services and Business Holdings (GISBH).

- (a) Senaraikan pusat jagaan kanak-kanak yang dikendalikan oleh GISBH mengikut lokasi, bilangan kanak-kanak serta berdaftar atau tidak.
- (b) Terangkan usaha Kerajaan Negeri untuk melindungi kanak-kanak daripada dieksploitasi atau gangguan seksual.
- (c) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk melindungi kanak-kanak yang berada dalam pusat jagaan bawah GISBH?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

28. (a) Senarai pusat jagaan kanak-kanak yang dikendalikan oleh Global Ikhwan Services and Business Holdings (GISBH) di Negeri Pulau Pinang adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (b) Usaha Kerajaan Negeri untuk melindungi kanak-kanak daripada dieksploitasi atau gangguan seksual adalah dengan membuat pemeriksaan berkala dan pemeriksaan mengejut (sekiranya ada keperluan) terhadap premis-premis yang menempatkan kanak-kanak dan juga pemeriksaan ke atas pihak pengurusan serta pihak guru-guru. Selain itu, bangunan yang didapati tidak mempunyai kelulusan dan kelayakan dalam bidang yang ditawarkan kepada masyarakat terutama kanak-kanak akan disita.

- (c) Antara usaha Kerajaan Negeri untuk melindungi kanak-kanak tersebut adalah meletakkan mereka di bawah pemerhatian dan jagaan sementara pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sehingga siasatan selesai sebelum anak-anak diserahkan semula kepada pihak keluarga. Di samping itu, urusan perniagaan melibatkan GISBH di kawasan Seberang Perai telah diambil tindakan oleh pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) seperti berikut:-
- (i) Mengeluarkan notis menghendaki kacau ganggu dihapuskan di atas kesalahan mendatangkan kegusaran dan keselamatan kepada orang awam;
 - (ii) Mengeluarkan notis menghendaki perniagaan dihentikan bagi perniagaan yang dijalankan tanpa lesen.
 - (iii) Menjalankan tindakan sitaan premis perniagaan; dan
 - (iv) Mengeluarkan notis tawaran kompaun di atas kesalahan melanggar syarat-syarat pelesenan bagi kesalahan seperti gagal mempamerkan lesen perniagaan.

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) juga telah menyediakan tenaga pengajar guru agama (Takmir) bagi sesi kelas agama di pusat perlindungan ahli GISBH bagi kanak-kanak berusia 3 hingga 17 tahun di mana kelas agama tersebut masih dilaksanakan sehingga ke hari ini.

LAMPIRAN A

SENARAI PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK YANG DIKENDALIKAN OLEH GLOBAL IKHWAN SERVIS AND BUSINESS HOLDINGS (GISBH) DI NEGERI PULAU PINANG

Bil.	Rumah Amal	Bil. Kanak-Kanak	Berdaftar/Tidak
1.	RUMAH JAGAAN HARAPAN AL-MAHABBAH (SPS) NO. SB 3390, Bagan Berkat, Bagan Buaya Changkat, 14300 Nibong Tebal. (SPS)	4 (P) Melayu 2 (L) Melayu	Berdaftar
2.	PERTUBUHAN PERMATA AL-MAHABBAH (SPT) NO 18, Lorong Santuari 9, Taman Santuari, Kg Permatang Tinggi. (SPT)	Premis tidak beroperasi dan tidak berpenguji.	Berdaftar
3.	RUMAH PERMATA KASIH NO 7, Lorong Sri Mengkuang, Taman Sri Mengkuang, Kubang Semang. (SPT)	Premis tidak beroperasi dan tidak berpenguji.	Berdaftar
4.	PERTUBUHAN KEBAJIKAN ANAK KESAYANGAN PULAU PINANG NO 15 Jalan Sena, Kepala Batas. (SPU)	Premis tidak beroperasi dan tidak berpenguji.	Berdaftar

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(I)29

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

29. *Cybersecurity.*

- (a) Sejauh manakah Kerajaan Negeri menilai keselamatan siber secara berkala untuk sektor-sektor penting seperti kewangan dan komunikasi?
- (b) Bagaimanakah kecerdasan buatan (AI) dan *Machine Learning* (ML) digunakan untuk meningkatkan tahap keselamatan siber?
- (c) Apakah usaha untuk melindungi infrastruktur kritikal seperti tenaga, air dan sistem pengangkutan daripada serangan siber?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

29. (a) Kerajaan Negeri telah membangun dan melaksanakan Pelan Pemulihan Bencana (DRP) di bawah Pelan Kesyinambungan Perkhidmatan (PKP) bagi menggariskan langkah-langkah yang perlu diambil sekiranya berlaku bencana terhadap infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi Kerajaan Negeri dan Pelan Pemulihan Bencana (DRP) ini sentiasa dikemas kini. Simulasi Pelan Pemulihan Bencana (DRP) bagi sistem-sistem kritikal juga dibuat sekurang-kurangnya setahun sekali.

Penilaian keselamatan siber bagi sistem-sistem kritikal dibuat melalui *Security Posture Assessment* (SPA) setahun sekali secara dalaman dan 3 tahun sekali menggunakan kepakaran pihak luar. Selain itu, pemantauan terhadap infrastruktur

rangkaian dan keselamatan ICT dibuat pada setiap hari oleh Pegawai Teknologi Maklumat di Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri (BTMKN).

Bagi sistem berkaitan kewangan, terdapat dua (2) sistem yang dikendalikan oleh Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang, iaitu Sistem Perakaunan Akruan (iSPEKS) dan Sistem Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (sysP). Bagi sistem iSPEKS, server mempunyai *firewall* yang mengawal akses keselamatan ke server daripada dalam dan luar disamping infrastruktur keselamatan yang disediakan oleh Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri (BTMKN), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (PSUKPP). Manakala bagi sistem sysP pula, infrastruktur menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri (BTMKN). Bagi memastikan keselamatan dari segi sistem dan data pula, sistem-sistem ini telah melepasi ujian tapisan keselamatan aplikasi yang telah ditetapkan oleh Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri (BTMKN).

Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT) melalui Unit Pembangunan Infrastruktur Telekomunikasi adalah pembuat dasar dan pemudahcara pelaksanaan pembangunan infrastruktur komunikasi di Negeri Pulau Pinang. Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT) sering menitikberatkan tentang kepentingan melindungi infrastruktur komunikasi daripada sebarang cubaan serangan siber. Perkara ini telah dinyatakan di dalam Garis Panduan Perancangan dan Pembangunan Infrastruktur Komunikasi Negeri Pulau Pinang yang sedang berkuatkuasa.

- (b) Semua komputer (komputer peribadi dan komputer riba) serta *server* dalam rangkaian Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah dipasang dengan perisian antivirus dan anti-*Malware ThreatDown*. Berdasarkan maklumat daripada pihak pengeluar produk dan maklumat daripada laman web rasmi *ThreatDown*, pihak pengeluar produk telah mengadaptasi kecerdasan buatan (AI) bagi produk pengeluar untuk *Global AI search*, *Evolving summarization techniques* dan *Dynamic security recommendation*.

Bagi infrastruktur keselamatan teknologi maklumat dan komunikasi yang lain, Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri (BTMKN) akan mengenal pasti produk-produk yang sesuai dan akan memberi keutamaan terhadap produk-produk yang mengadaptasi kecerdasan buatan (AI) untuk digunakan bagi meningkatkan tahap keselamatan siber.

- (c) Soalan ini adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Pusat. Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA) telah menggariskan sektor-sektor infrastruktur kritikal dikategorikan sebagai *The National Critical Information Infrastructure* (NCII). Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri (BTMKN) akan mengurus berkaitan serangan siber melibatkan sektor awam peringkat Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Berikut adalah keterangan lanjut mengenai NCII.

The National Critical Information Infrastructure (NCII) is defined as critical system that includes information assets (electronic), networks, functions, processes, facilities and services in an information and communications technology (ICT) environment that is important to the country where any disruption or destruction to it can have an impact on national defense and security, national economic stability, national image, the Government's ability to function, public health and safety as well as individual privacy.

The NCII sectors are:

- (i) Government*
- (ii) National Defence and Security*
- (iii) Banking and Finance*
- (iv) Information and Communications*
- (v) Energy*
- (vi) Transportation*
- (vii) Emergency Services*
- (viii) Water*

(ix) *Health Services*

(x) *Agriculture and Plantation*

(xi) *Trade, Industry and Economy*

In exercise of the powers conferred by subsection 15(1) of the Cyber Security Act 2024 [Act 854], the Minister appoints the Government Entity or person named in the Schedule to be the National Critical Information Infrastructure sector lead, with effect from 11 September 2024.